

# LAPORAN TAHUNAN KETENGAH 2016



**Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah**  
*Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah*



# **BERSAMA MEMBANGUN**

**Merentasi Cabaran Zaman  
KETENGAH Mara  
Jayakan Pembangunan Seimbang Demi Nusa Bangsa**

**Wilayah Makmur Jadi Idaman  
Rakyat Sejahtera  
Berekal Ilmu Dan Ketakwaan Menuju Puncak Jaya**

**Suasana Kini Berubah  
Berkat Tabah Dan Tekun  
Sinar Baru Menjelma  
Bersama Membangun**

**Kini Terserlah Menjadi Sebutan  
Indah Cemerlang  
Aman Makmur Desa Nan Terbilang  
Ketengah Gemilang**

Lagu : Mohd Anip Majid  
Lirik : Mohamad Ibrahim dan Rosli Haji Ngah

# Kandungan

## **PERUTUSAN Pengerusi KATA ALUAN Pengerus Besar**

### **MAKLUMAT KORPORAT**

Ahli Jemaah Lembaga  
Jawatankuasa Audit  
Pengurusan Tertinggi  
Pengurus-Pengurus Bahagian  
Carta Organisasi

### **LATAR BELAKANG**

Pengenalan  
Hala Tuju  
Visi  
Misi  
Teras Pembangunan  
Fungsi  
Piagam Pelanggan

### **PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA**

Perjawatan  
Pencapaian Dan Kejayaan  
Tanggungjawab Sosial  
Kursus Dan Latihan Kakitangan

### **PERUNTUKAN TAHUNAN KETENGAH**

Peruntukan Tahun 2016  
Peruntukan Mengurus  
Peruntukan Pembangunan  
Peruntukan Akaun Pengurusan Projek KKLW

### **PROGRAM PEMBANGUNAN KETENGAH**

Pembangunan Bandar Dan Pusat Pertumbuhan  
Pembangunan Kampung Tradisional  
Pembangunan Kawasan Tasik Kenyir

### **PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)**

### **PENILAIAN *OUTCOME***

### **SYARIKAT-SYARIKAT ANAK KETENGAH**

### **ANUGERAH**

### **DIARI KORPORAT**

### **SOROTAN MEDIA**

### **PENYATA KEWANGAN**

## Perutusan Pengerusi

Assalamualaikum w.b.t.

Saya melahirkan rasa syukur ke hadirat Illahi kerana dapat membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan KETENGAH bagi tahun 2016. Saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada warga KETENGAH yang terus mengekalkan kecemerlangan, komited serta mengamalkan nilai-nilai positif dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab tersebut.

Bagi tahun 2016, KETENGAH telah diluluskan peruntukan berjumlah RM99,005,800.00 iaitu RM67,350,000.00 untuk Belanja Pembangunan dan RM31,655,800.00 untuk Belanja Mengurus. Walau bagaimanapun, peruntukan Belanja Pembangunan yang diterima hanya sebanyak RM63,731,931.00 sahaja dengan pencapaian prestasi perbelanjaan mencapai 84.81%. Peruntukan pembangunan tahun 2016 yang diluluskan adalah untuk melaksanakan pelbagai program meliputi tiga (3) teras utama iaitu Program Prasarana Luar Bandar, Pembangunan Pelancongan dan Pembangunan Keusahawanan demi kemakmuran rakyat di wilayah KETENGAH dan seterusnya mengimbangkan pembangunan antara bandar dan luar bandar.

Pelbagai kemudahan infrastruktur fizikal, sosial dan pembangunan insan telah dibangunkan bagi meningkatkan ekonomi masyarakat setanding dengan kawasan yang lebih maju. Pembangunan pelancongan di Tasik Kenyir seperti Kenyir Island Hopping dan Pulau Bebas Cukai di Pulau Bayas sedang rancak dilaksanakan. Pembangunan pelancongan yang dilaksanakan oleh KETENGAH bersama-sama dengan Kerajaan Negeri Terengganu di Tasik Kenyir memberikan impak yang besar bukan sahaja daripada segi pewujudan peluang perniagaan dan pekerjaan kepada masyarakat sekitar malah ianya mempunyai masa depan yang cerah sebagai tarikan baharu pelancongan di Negeri Terengganu dengan jumlah kedatangan pelancong bagi tahun 2016 adalah seramai 507,502 orang.

Saya yakin KETENGAH mampu meneruskan pembangunan yang lebih sistematik, maju dan seimbang dengan pelbagai program dan projek yang dirancang bagi memenuhi aspirasi kumpulan sasar dalam melestarikan pembangunan luar bandar. Pelaksanaan pembangunan oleh KETENGAH adalah selaras dan seiring dengan pembangunan yang dirancang oleh Kerajaan Negeri Terengganu sejajar dengan 'tagline' TRANSFORMASI TERENGGANU BAHARU.

Akhir kata, saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pegawai dan kakitangan KETENGAH yang telah memberikan komitmen yang tinggi dalam menjayakan pembangunan KETENGAH.



**(DATU' SERI HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN)**

Pengerusi

Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH)





## Kata-Kata Aluan Pengurus Besar

Assalamualaikum w.b.t.

Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Allah SWT yang telah mengurniakan taufik dan hidayah-Nya sehingga dapat kita melaksanakan program dan projek untuk kelestarian pembangunan dalam wilayah KETENGAH sebagaimana yang dirancang.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai dan kakitangan yang telah memberikan sumbangan yang besar dalam menjayakan setiap program pembangunan KETENGAH sebagaimana yang telah dirancang.

Bagi tahun 2016, KETENGAH telah diluluskan peruntukan berjumlah RM99,005,800.00 iaitu RM67,350,000.00 untuk Belanja Pembangunan dan RM31,655,800.00 untuk Belanja Mengurus.

Walau bagaimanapun, peruntukan pembangunan yang diterima hanya berjumlah RM63,731,931.00 sahaja. Peruntukan yang diterima ini meningkat sebanyak RM23,514,100.00 atau 77.0% berbanding tahun 2015. Ini merupakan satu cabaran kepada KETENGAH dalam memastikan peruntukan ini dapat dibelanjakan sepenuhnya dan pelaksanaan program dan projek benar-benar memberikan impak yang tinggi terhadap masyarakat khususnya kumpulan sasar dalam wilayah.

Pelaksanaan program dan projek pembangunan KETENGAH tahun 2016 melibatkan tiga (3) teras utama iaitu Program Prasarana Luar Bandar, Pembangunan Pelancongan dan Pembangunan Keusahawanan.

Program Prasarana Luar Bandar merupakan agenda utama pembangunan melibatkan peruntukan berjumlah RM30,804,200.00 bagi pelaksanaan 12 program melibatkan empat (4) sektor utama iaitu penyediaan infrastruktur, kemudahan sosial, perumahan dan pembesaran bandar-bandar sejajar dengan tag line 'Membandarkan Luar Bandar' dengan prestasi perbelanjaan adalah 87.29%.

Pembangunan Pelancongan di Tasik Kenyir turut diberi keutamaan oleh KETENGAH, selaku agensi yang dipertanggungjawabkan bagi merancang dan membangunkan kawasan tersebut sebagai destinasi pelancongan akua eko utama di Negeri Terengganu dengan peruntukan berjumlah RM25,731,700.00 dan prestasi perbelanjaan 81.27% melibatkan tujuh (7) program. Bagi memperkasakan program keusahawanan dalam wilayah, KETENGAH telah diperuntukkan RM7,196,031.00 dengan prestasi perbelanjaan 86.86% untuk melaksanakan dua (2) program di bawah Program Pembangunan Kampung Tradisional iaitu Projek Ternakan Unggas Wilayah KETENGAH dan Projek Pembangunan Pertanian dan Industri Asas Tani yang bertujuan untuk meningkatkan potensi keusahawanan masyarakat luar bandar yang majoritinya terdiri daripada petani melalui cetusan transformasi ekonomi daripada aktiviti berasaskan tradisional kampung kepada projek ekonomi berskala besar.

Saya berdoa semoga Allah SWT memberikan kita semua kebijaksanaan, kemampuan dan kekuatan untuk melaksanakan segala amanah yang dipertanggungjawabkan kepada KETENGAH untuk faedah rakyat. Insyaa Allah dengan iltizam yang kukuh dan penuh keikhlasan dan amanah, segala halangan dan cabaran akan dapat kita atasi dalam mencapai objektif KETENGAH demi agama, bangsa dan negara.


**(HAJI OMAR BIN ISMAIL)**

Pengurus Besar

Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH)



Pintu Gerbang KETENGAH, Bandar Al-Muktafi Billah Shah



**MAKLUMAT  
KORPORAT**

## Ahli Jemaah Lembaga

1

### Pengerusi

YAB. Dato' Seri Haji Ahmad Razif bin Abd. Rahman  
*S.S.M.Z., D.P.M.T., S.M.Z.*

2

### Timbalan Pengerusi

YBhg. Dato' Haji Din bin Adam  
*D.P.M.T., P.J.K.*  
(bermula 15.4.2016)

3

2

1

4

5

3

### Wakil Kerajaan Negeri

YB. Dato' Haji Osman bin Muda  
*D.P.M.T., S.M.Z., P.J.C., P.J.K.*  
(sehingga 2.8.2016)

4

### Wakil Kerajaan Negeri

YB. Dato' Haji Wan Nawawi bin  
Haji Wan Ismail  
*D.P.M.T., S.M.Z., P.J.C., P.J.K.*  
(bermula 3.8.2016)

5

### Wakil Kerajaan Negeri

YB. Dato' Haji Tengku Putera  
bin Tengku Awang  
*D.P.M.T.*

6

**Wakil Kerajaan Persekutuan**

YBhg. Dato' Haji Adam bin Sulong  
*D.P.M.T., K.M.N.*

7

**Wakil Kerajaan Persekutuan**

YBhg. Encik Zainordin bin Shahlal

8

**Wakil Kerajaan Persekutuan**

YBhg. Datin Seri Elena Chiang  
binti Abdullah  
*(bermula 25.7.2016)*

6

7

8

10

9

9

**Ahli Profesional**

YB. Dato' Haji Rozi bin Haji Mamat  
*D.P.M.T., S.M.Z.*

10

**Ahli Profesional**

YBhg. Dato' Haji Mohamad bin  
Shahul Hameed  
*D.I.M.P., A.M.P.*

11

**Ahli Profesional**

YBhg. Tuan Haji Omar bin Ismail  
*A.M.Z., P.J.K*

11

## Jawatankuasa Audit 2016

- 1 YBhg. Dato' Haji Adam bin Sulong  
*D.P.M.T., K.M.N.*  
(bermula 5.1.2016)
- 2 YBhg. Dato' Haji Wan Nawawi bin Haji Wan Ismail  
*D.P.M.T., S.M.Z., P.J.C., P.J.K.*  
(bermula 5.1.2016)
- 3 YBhg. Dato' Haji Mohamad bin Shahul Hameed  
*D.I.M.P., A.M.P.*
- 4 YBhg. Encik Zainordin bin Shahlal  
(bermula 5.1.2016)

1

2

3


4



## Pengurusan Tertinggi

- 1 YBhg. Tuan Haji Omar bin Ismail  
*A.M.Z., P.J.K.*,  
Pengurus Besar
- 2 YM. Tengku Ahmad Nadzri bin Tengku Musa  
Timbalan Pengurus Besar (Operasi)
- 3 YBrs. Encik Mukhtar bin Che Ali  
*A.M.T., P.J.K.*  
Timbalan Pengurus Besar (Pembangunan)

## Pengurus-Pengurus Bahagian



**1 | TUAN HAJI AHMAD FAKARUDDIN  
BIN AHMAD**

Pengurus Khidmat Pengurusan

**2 | ENCIK ABDUL HALIM BIN YUSOF**  
Pengurus Kewangan dan Belanjawan

**3 | ENCIK ZAINUDDIN BIN  
HJ. MD. ZAKI**  
Pengurus Perancangan Strategik

**4 | ENCIK ABD GHAFAR BIN IBRAHIM**  
Pengurus Pemantauan dan Penilaian

**5 | ENCIK MAHDI AMIN BIN AHMAD**  
Pengurus Pelancongan dan  
Pembangunan Tasik Kenyir



**6 | ENCIK CHE WAN AHMAD  
BIN WAN EMBONG**

*B.L.B.*  
Pengurus Pembangunan  
Teknologi Maklumat dan  
Komunikasi

**7 | TUAN HAJI ASNAWI BIN  
HAJI MOHD AMIN**

*P.J.K*  
Pengurus Kesejahteraan Rakyat

**8 | ENCIK MOHD AZMI  
BIN MUDA**

Pengurus Pembangunan  
Insan dan Pendidikan

**9 | CIK ZULITA BINTI MOHAMED**

Pengurus Perumahan  
(bermula 30.07.2016)

**10 | ENCIK MOHD RADZI BIN MD NOOR**

Pengurus Ekonomi dan Usahawan

**11 | ENCIK CHE ARIFFIN BIN YUSOF**

Pengurus Perkhidmatan Teknik

**12 | ENCIK HASRI BIN OMAR**

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan  
KETENGAH Holdings Sdn. Bhd.

**13 | ENCIK ROSLI BIN HAJI NGAH**

Pengurus Unit Komunikasi  
Korporat


**14 | ENCIK CHE LAH BIN CHE ENDOT**

Pengurus Unit Pengurusan Projek  
Wilayah KETENGAH  
(sehingga 10.7.2016)

**15 | ENCIK CHE ZAMRI BIN  
CHE LAH**


Ketua Unit Integriti


**16 | Pengurus Tanah  
& Kuasa Tempatan  
(Kosong)**



## Carta Organisasi

Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah






Air Terjun Lasir, Tasik Kenyir





**LATAR BELAKANG**



Rajah 1 : Kawasan Operasi KETENGAH

## Pengenalan Lembaga

Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH) ialah sebuah agensi Lembaga Kemajuan Wilayah (LKW) di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW). KETENGAH telah ditubuhkan secara rasmi pada 12 April 1973 di bawah Akta Parlimen Bil. 104/73 dengan kuasa merancang, menggalak, menyelenggara, menyertai dan melaksanakan program sosioekonomi dalam wilayah KETENGAH.

Pada 12 Jun 1993, melalui P.U. (B) 356, KETENGAH turut dipertanggungjawabkan untuk membangunkan Tasik Kenyir seluas 209,199 hektar yang diwartakan sebagai sebahagian daripada kawasan pembangunannya. Pewartaan tersebut telah menjadikan keseluruhan keluasan wilayah KETENGAH seluas 653,075 hektar atau 50.14% keluasan negeri Terengganu yang meliputi kawasan pendalaman daerah Dungun, Kemaman dan Hulu Terengganu.

Bagi melicinkan pentadbirannya, KETENGAH telah menubuhkan ibu pejabat di Bandar Al-Muktafi Billah Shah, Dungun, Terengganu. Pejabat perbandaran turut diwujudkan di Bandar Bukit Besi, Bandar Ketengah Jaya, Bandar Seri Bandi, Bandar Ceneh Baharu dan Pengkalan Gawi, Tasik Kenyir bagi membantu menyelaras pembangunan di perbandaran tersebut. Kawasan operasi KETENGAH adalah seperti **Rajah 1**.



## HALA TUJU

Hala Tuju KETENGAH sehingga tahun 2020 adalah berdasarkan kepada senario perubahan pembangunan yang berlaku di dalam dan di luar wilayah, selaras dengan kemudahan dan peluang yang akan dapat disediakan bagi kemajuan wilayah ini.

## VISI

Menjadikan KETENGAH maju dengan masyarakat yang progresif dan produktif menjelang tahun 2020.

## MISI

Menjadikan KETENGAH sebagai peneraju pembangunan wilayah sehingga tahun 2020 beriltizam memastikan kesejahteraan penduduk melalui peningkatan pendapatan dan kualiti hidup menerusi 12 Program Strategik.

Misi KETENGAH akan dijemakan dalam tiga dimensi menjelang tahun 2020 :

### Organisasi

KETENGAH menjadi organisasi yang terkemuka dalam pembangunan wilayah.

### Insan Manusia

Penduduk wilayah KETENGAH merupakan insan yang berilmu, berteknologi, berkemahiran dan seimbang di dalam segala lapangan hidup (Khairul Ummatun).

### Kawasan

Menjadikan wilayah KETENGAH sebagai tempat kediaman dan kawasan industri/perusahaan yang terbaik.

## Teras Pembangunan

Bagi merealisasikan hala tuju pembangunan sehingga tahun 2020, KETENGAH telah mengenalpasti 5 teras pembangunan yang merupakan paksi program/projek wilayah KETENGAH iaitu sebagaimana berikut:

- peningkatan nilai tambah dalam ekonomi negara.
- peningkatan keupayaan pengetahuan, kreativiti dan inovasi.
- menangani masalah ketidakseimbangan sosioekonomi secara membina dan produktif.
- meningkatkan tahap dan kemampuan kualiti hidup.
- mengukuhkan keupayaan institusi dan pelaksanaan negara.

### TERAS PEMBANGUNAN

Teras pembangunan dirangka pada asasnya menekankan program/projek yang akan memberikan manfaat serta faedah maksimum kepada penduduk untuk menjadikan KETENGAH maju dengan masyarakat progresif dan produktif menjelang tahun 2020.

## 12 SEKTOR YANG TERLIBAT DALAM TERAS PEMBANGUNAN KETENGAH

Berdasarkan kepada teras pembangunan di atas, sebanyak 12 Program Strategik KETENGAH telah dirancang untuk dilaksanakan merangkumi :

### PEMBANGUNAN BANDAR DAN PUSAT PERTUMBUHAN

menjadikan bandar dan pusat pertumbuhan sebagai pendorong dan pemangkin kepada pembangunan wilayah melalui hierarki pusat pertumbuhan;

### PEMBANGUNAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

menjadi pengeluar produk pertanian berasaskan bioteknologi dan mempunyai nilai tambah yang tinggi;

### PEMBANGUNAN INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA SERTA KEUSAHAWANAN

melaahirkan usahawan yang berdaya maju, berdaya tahan dan mampu bersaing di peringkat nasional dan global;

### PEMBANGUNAN PERUMAHAN DAN RUANG NIAGA

menyediakan kemudahan perumahan yang mencukupi, selesa, berkualiti, kondusif dan mampu milik, di samping membangunkan ruang perniagaan yang mencukupi di lokasi strategik dan berpotensi;

### PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA DAN PENDIDIKAN

menjadikan penduduk wilayah KETENGAH sebagai sumber yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi bagi memenuhi guna tenaga negara melalui konsep Pembelajaran Sepanjang Hayat;

### PENGURUSAN AWAM

mewujud dan memastikan perkhidmatan yang efisien, telus dan berdaya saing melalui tadbir urus terbaik bagi menjadikan KETENGAH sebuah agensi yang mesra rakyat; dan

01

### PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DAN KOMUNIKASI

mempertingkatkan kemudahan infrastruktur dan komunikasi bagi menyokong pembangunan yang akan dilaksanakan untuk mengurangkan jurang perbezaan antara bandar dan luar bandar;

02

03

### PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN

melonjakkan ekonomi luar bandar ke tahap moden, mampu dan menguntungkan;

04

05

### PEMBANGUNAN PELANCONGAN

menyediakan infrastruktur pelancongan yang sempurna, mempertingkatkan promosi dan memasarkan produk pelancongan serta aktiviti kepada masyarakat luar dengan lebih berkesan agar Tasik Kenyir terkenal sebagai pusat eko pelancongan yang unggul;

06

07

### PEMBANGUNAN MODAL INSAN DAN SOSIAL

menggalakkan kehidupan yang harmoni dan memupuk semangat penyayang, menyemai nilai positif dan berdikari ke arah melahirkan generasi Ulul Albab;

08

09

### PENJANAAN PENDAPATAN RAKYAT

mengeluarkan rakyat miskin dalam wilayah KETENGAH daripada belunggu kemiskinan dan memperoleh pendapatan minimum melebihi Paras Garis Kemiskinan;

10

11

### PENGURUSAN ALAM SEKITAR DAN SUMBER ASLI YANG MAPAN

memastikan keseimbangan yang optimum antara keperluan pembangunan dengan pemuliharaan alam sekitar dan setiap pembangunan akan dilaksanakan menjurus kepada mesra alam.

12

## Fungsi

Fungsi KETENGAH sebagaimana Akta 104 iaitu merancang, menggalak, menyelenggara, menyertai dan melaksanakan program sosioekonomi di kawasan KETENGAH. Secara amnya, fungsi utama KETENGAH adalah sebagaimana berikut :

- Memaju, menggalak, membantu dan mengusahakan pembangunan ekonomi dan sosial dalam kawasan Terengganu Tengah.
- Memaju, menggalak, merancang dan mengusahakan pembangunan tempat tinggal, pertanian, perindustrian dan perdagangan dalam kawasan Terengganu Tengah.
- Mengawal dan menyelaras pelaksanaan kegiatan-kegiatan yang tersebut di atas dalam kawasan Terengganu Tengah.

# Piagam Pelanggan

<b>01</b>	<b>02</b>	<b>03</b>
Memberi layanan dan perkhidmatan yang mesra, efisien dan sempurna selaras dengan fungsi Lembaga.	Permohonan penyewaan rumah kediaman /kedai diberi keputusan dalam masa 7 hari bekerja.	Memastikan perkhidmatan mengangkut sampah dijalankan mengikut jadual pada setiap hari bekerja di semua perbandaran KETENGAH.
<b>04</b>	<b>05</b>	<b>06</b>
Menyediakan kemudahan, aktiviti dan layanan yang berkualiti kepada pengunjung di Tasik Kenyir.	Melaksanakan program pendidikan, latihan, keagamaan dan Badan-Badan Bukan Kerajaan kepada 5,000 orang setahun.	Melaksanakan program bantuan khidmat nasihat, pembangunan produk dan pemasaran yang berterusan kepada 500 orang setahun.
<b>07</b>	<b>08</b>	<b>09</b>
Melaksanakan program latihan dan kemahiran kepada 5,000 orang penduduk melalui 34 mini RTC.	Memastikan Program Bantuan Rumah (PBR) bina baru siap dibina dalam tempoh 4 bulan dan baikpulih siap dibina dalam tempoh 2 bulan selepas surat lantikan dikeluarkan.	Memastikan semua aduan awam diberi maklum balas dalam tempoh 3 hari bekerja selepas aduan diterima.



Taman Rama-Rama, Tasik Kenyir

MITTERFLY  
ISLAND




**PROGRAM PEMBANGUNAN  
SUMBER MANUSIA**

## PERJAWATAN

Perjawatan KETENGAH yang telah diluluskan sebanyak 454 jawatan dan sebanyak 413 jawatan telah diisi. Kedudukan pengisian perjawatan di KETENGAH sehingga 31 Disember 2016 adalah seperti yang dinyatakan dalam **Rajah 2** dan perincian perjawatan adalah seperti di **Jadual 1**.

**Rajah 2 : Kedudukan Pengisian Perjawatan bagi Tahun 2016**



**Jadual 1 : Perincian Perjawatan KETENGAH bagi Tahun 2016**

BIL.	BAHAGIAN	JAWATAN DILULUSKAN			JAWATAN DIISI		JUMLAH
		KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL	KUMPULAN PELAKSANA	JUMLAH	KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL	KUMPULAN PELAKSANA	
1.	Pejabat Pengurus Besar	6	8	14	6	8	14
2.	Bahagian Khidmat Pengurusan	3	59	62	3	58	61
3.	Bahagian Kewangan dan Belanjawan	4	18	22	3	18	21
4.	Bahagian Perancangan Strategik	6	16	22	5	14	19
5.	Bahagian Pemantauan dan Penilaian	4	14	18	2	14	16
6.	Bahagian Pelancongan dan Pembangunan Tasik Kenyir	6	38	44	6	37	43
7.	Bahagian Pembangunan Teknologi Maklumat dan Komunikasi	3	8	11	3	7	10
8.	Bahagian Tanah dan Kuasa Tempatan	6	168	174	6	153	159
9.	Bahagian Kesejahteraan Rakyat	4	14	18	2	11	13
10.	Bahagian Pembangunan Insan dan Pendidikan	3	9	12	3	8	11
11.	Bahagian Perumahan	3	26	29	2	21	23
12.	Bahagian Ekonomi dan Usahawan	4	8	12	3	8	11
13.	Bahagian Perkhidmatan Teknik	1	9	10	1	5	6
14.	Unit Integriti	1	5	6	1	5	6
<b>JUMLAH</b>		<b>54</b>	<b>400</b>	<b>454</b>	<b>46</b>	<b>367</b>	<b>413</b>

## PENCAPAIAN DAN KEJAYAAN

Bagi tahun 2016, hasil daripada pelaksanaan program pembangunan sumber manusia yang terancang dan sistematik, KETENGAH telah mencapai beberapa kejayaan sebagaimana di **Jadual 2**.

**Jadual 2: Pencapaian dan Kejayaan KETENGAH pada Tahun 2016**

BIL	PERINGKAT	KATEGORI	PENCAPAIAN
1	Kebangsaan	Pelaksanaan aplikasi Pematuhan SAGA sepanjang tahun	Pengiktirafan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia
2	Kebangsaan	Konvensyen <i>Team Excellence</i> Kumpulan Inovatif & Kreatif anjuran Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)	Pencapaian Emas 3 Bintang oleh : i. Kumpulan Inovasi Insan ii. Kumpulan Wakaf iii. Kumpulan Bazar
3	Wilayah Tengah	Konvensyen <i>Team Excellence</i> Peringkat Wilayah Tengah Kumpulan Inovatif & Kreatif anjuran Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)	Pencapaian Anugerah Emas oleh : i. Kumpulan Inovasi Insan ii. Kumpulan Wakaf iii. Kumpulan Bazar

## TANGGUNGJAWAB SOSIAL

Tabung Amanah Masyarakat KETENGAH (TAMK) diwujudkan bagi membiayai program bantuan kepada golongan miskin, kurang upaya, warga emas, anak yatim dan pelajar miskin. Pada tahun 2016, seramai 2,161 orang kumpulan sasar telah menerima bantuan ini dengan pecahan Kumpulan Sasar adalah seperti di **Jadual 3**.

**Jadual 3 : Penerima Sumbangan di bawah Tabung Amanah Masyarakat KETENGAH (TAMK) bagi Tahun 2016**

KUMPULAN SASAR	BIL. PENERIMA (ORANG)
Ketua Isi Rumah (KIR – Miskin)	1,320
Pesakit Melarat / OKU	749
Penghuni Rumah Ehsan AMBS	92
<b>JUMLAH</b>	<b>2,161</b>

## KURSUS DAN LATIHAN KAKITANGAN

KETENGAH telah memberikan perhatian yang khusus dalam menyediakan pegawai dan kakitangan yang lebih berpengetahuan dan terlatih dalam memikul tanggungjawab dan tugas masing-masing melalui pelaksanaan kursus dan latihan.

Sepanjang tahun 2016, sebanyak 175 siri kursus dan latihan telah dilaksanakan dengan penyertaan seramai 1,877 orang pegawai dan kakitangan. Kursus dan latihan yang dianjurkan merangkumi kursus dalaman jangka pendek, kursus luaran jangka pendek, bengkel, seminar dan persidangan. Perincian penyertaan mengikut kumpulan perkhidmatan adalah sebagaimana ditunjukkan dalam **Jadual 4** dan senarai kursus-kursus secara dalaman seperti di **Jadual 5** serta senarai kursus secara luaran seperti di **Jadual 6**.

**Jadual 4 : Perincian Penyertaan Kursus dan Latihan bagi Tahun 2016**

JENIS KURSUS	KURSUS DALAMAN	KURSUS LUARAN	JUMLAH
Bilangan Kursus (Siri)	9	166	175
Bilangan Penyertaan (Orang)	994	883	1,877

**Jadual 5 : Senarai Kursus-Kursus Dalaman**

BIL	NAMA KURSUS	JUMLAH PESERTA	TARIKH
1.	Taklimat GST : Badan Berkanun	39	26.1.2016
2.	Bengkel Pengurusan Mesyuarat Berkualiti kepada Kakitangan KETENGAH	43	28 - 1.3.2016
3.	Kursus Protokol dan Etiket Sosial kepada Kakitangan KETENGAH	34	8 - 10.3.2016
4.	Taklimat Pelupusan Rekod	37	20.3.2016
5.	Bengkel Pemantapan Pensijilan Semula MS ISO 9001:2008 KETENGAH dan Pengenalan Piawaian MS ISO 9001:2015	37	27 - 28.4.2016
6.	Taklimat Pengurusan Kewangan	84	2.8.2016
7.	Kursus Keterampilan Berucap Kepada Kumpulan Pengurusan dan Profesional	49	6.11.2016
8.	Kursus Komunikasi Tempat Kerja	327	7.11.2016
9.	Seminar 'Inovasikan Cinta' Sempena Hari Inovasi KETENGAH 2016	344	1.12.2016

**Jadual 6 : Senarai Kursus-Kursus Luaran**

BIL	NAMA KURSUS	JUMLAH PESERTA	TARIKH
1.	Lab Transformasi Luar Bandar	3	13-16.1.2016
2.	<i>Executive Talk</i> INTIM Siri 1 : Peningkatan Produktiviti Dalam Sektor Awam Bersama YAB. Menteri Besar Terengganu	4	21.1.2016
3.	Bengkel Meningkatkan Prestasi Organisasi Melalui Kaedah <i>Neuro-Linguistic Programming (NLP)</i>	1	26.1.2016
4.	Program AI-Hiwar Ancaman Dajjal - ISIS	10	27.1.2016
5.	Sesi Jelajah Kementerian Pendidikan Tinggi <i>Soaring Upwards</i>	6	13.2.2016
6.	Kursus Kejurulatihan <i>Certified Neuro Linguistic Program</i>	3	15 - 20.2.2016
7.	Bengkel Penyediaan Kertas Jemaah Menteri	2	19.2.2016
8.	<i>Special Lecture Ocean Strategy And Leadership By</i> Professor W. Chan Kim	4	25.2.2016
9.	Taklimat Mengenai Kerangka Pemantauan Pelaksanaan Serta Penyediaan Program, Projek Dan Inisiatif Rancangan Malaysia Kesebelas	4	29.2.2016
10.	Kursus Penggunaan <i>GPS</i> Garmin 680 Secara <i>Hands On</i>	2	7.3.2016
11.	Seminar Pembangunan Pakej Interaktif	2	9.3.2016
12.	Bengkel Pengukuhan Sistem Pengurusan Aduan (SISPA)	2	9.3.2016
13.	Taklimat Peranan Pusat <i>JOBS</i> Malaysia Terengganu Sebagai Hub Pekerjaan Negara Dan Jalinan Kerjasama Strategik Bersama Agensi Kerajaan Serta Badan Berkanun Dalam Meningkatkan Sistem Penyampaian Perkhidmatan Pusat <i>Jobs</i> Malaysia Terengganu Sebagai Pembina Kerjaya	1	9.3.2016
14.	Sesi Taklimat Penerangan Mengenai Kerangka Penyediaan Dan Pemantauan Pelaksanaan Program Projek Dan Inisiatif Di Bawah Teras 1, RMKe-11	2	10 - 11.3.2016
15.	Bengkel Pelaksanaan Projek Perintis Bagi Projek <i>Public Service Delivery Transformation (PSDT)</i> Bil.2/2016	1	10 - 11.3.2016
16.	Kursus <i>Malaysian Private Entities Reporting Standards (MPERS) Basic &amp; Advanced Module</i>	5	14 - 16.3.2016
17.	Bengkel Perancangan Pelan Strategik Hala Tuju Dan Pemerkasaan Aktiviti Surada Jaya Sdn. Bhd.	2	16 - 17.3.2016

BIL	NAMA KURSUS	JUMLAH PESERTA	TARIKH
18.	Seminar Isu-Isu Seksualiti Peringkat Kebangsaan 2016	1	18 - 20.3.2016
19.	Program Pemerksaan Akrab <i>Care</i>	3	22 - 23.3.2016
20.	Bengkel Fasilitator Sistem Profil Kampung Peringkat Nasional (SPKPN)	2	23 - 25.3.2016
21.	Seminar Wanita Islam (Ibu Tunggal) Wilayah Ketengah Tahun 2016 'Semai 2016'	12	28.3.2016
22.	Seminar Tatacara Pengisian Dokumen Tender Dan Sebutharga	5	29.3.2016
23.	Bengkel Halatuju 2016 Majlis Sekretariat Pembangunan Usahawan Terengganu	1	3.4.2016
24.	Program <i>Training On HRMIS For Users (THOR)</i> Bil.5/2016	2	11 - 12.4.2016
25.	Seminar <i>Emergency Response Team</i>	2	11.4.2016
26.	Bengkel Jawatankuasa Teknikal Aquaculture Bagi Semakan Semula Ms 1998, <i>Good Aquaculture Practice (Gaqp) Aquaculture Farm General Guidelines</i>	1	12 - 14.4.2016
27.	Majlis Taklimat Pekeliling Perkhidmatan Penambahbaikan Bagi Perkhidmatan Awam Persekutuan Di Bawah Sistem Saraan Malaysia	2	14.4.2016
28.	Forum <i>Power Parenting</i>	19	15.4.2016
29.	Bengkel Pelaksanaan Penamatan Perkhidmatan Melalui Aplikasi HRMIS Bagi Persaraan Wajib Kerana Had Umur, Penamatan Perkhidmatan Sukarela Dan Persaraan Pilihan Dan Kematian Dalam Perkhidmatan	4	19 - 21.4.2016
30.	Program Latihan Pemantapan Pembangunan Web Dan Portal (LPPWP) 2016 Siri 1 Kriteria Probe 2016 Bil. 1/2016	1	20.4.2016
31.	Kursus <i>Web Application With PHP Dan MySQL</i>	1	25 - 28.4.2016
32.	Bengkel Penyediaan Pelan Induk Latihan KKLW (PILK) 2016	1	27 - 28.4.2016
33.	Kursus Intensif Transformasi Luar Bandar 'Membandarkan Luar Bandar'	1	28.4.2016
34.	Bengkel Penyediaan Peraturan Tetap Operasi (PTO) Bagi Pembinaan Rumah Kekal Baharu Dan Baikpulih Rumah Pasca Bencana	1	28.4.2016
35.	Program Latihan <i>Business Facilitator</i>	1	28 - 30.4.2016

BIL	NAMA KURSUS	JUMLAH PESERTA	TARIKH
36.	Pengukuhan Dan Penelitian Aplikasi Sistem Permohonan Lain-Lain Agensi Dalam Proses Memohon Bantuan Perubatan Ke Unit Teknikal Bantuan Perubatan KKM	1	30.4.2016
37.	Program Kem Kesihatan Sihat Sepanjang Hayat	332	5.5.2016
38.	Bengkel Rangka Dasar Pembangunan Luar Bandar Siri 1/2016	2	5.5.2016
39.	Kursus Asas Kawalan Keselamatan Siri 3/2016	2	5.5.2016
40.	Kursus <i>We Are The Host</i> .	5	9.5.2016
41.	Bengkel Halatuju Baharu Transformasi Usahawan Wilayah KETENGAH Tahun 2016 - 2025	11	11 - 12.5.2016
42.	Bengkel Pemantapan Pengemaskinian Sistem e-Kasih Bersama Agensi Pelaksanaan Program Pembasmian Kemiskinan Daerah Dungun Kali Ke 2/2016	2	11.5.2016
43.	Program Menjana Pendapatan Tambahan Dunia Digital Melalui e-Rezeki	2	14.5.2016
44.	Persidangan Perlindungan Data Peribadi (Akta 709)	2	14.5.2016
45.	Sesi Percambahan Minda ( <i>Brainstorming</i> ) Memperkasa Peranan Dan Fungsi Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Kampung (JKKK) Dan Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKKP)	1	17.5.2016
46.	Kursus Pengurusan Cuti, Perubatan Dan Buku Rekod Perkhidmatan	2	17 - 19.5.2016
47.	Program Motivasi Kerja Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) KKLW	4	18 - 20.5.2016
48.	Kursus <i>Green Card CIDB</i>	1	19.5.2016
49.	Program <i>Breakfast Talk</i> Siri 5/2016	1	20.5.2016
50.	Kursus Laravel 5.1 & Elixir	1	23 - 27.5.2016
51.	Kursus Pengurusan Perolehan Kerajaan Kepada Pegawai-Pegawai Yang Melaksanakan Tugas-Tugas Perolehan Di KKLW	1	23 - 26.5.2016
52.	Kursus Asas Protokol Dan Etiket Sosial	1	23 - 25.5.2016
53.	Kursus Pengenalan Pengurusan Projek Pengurusan Risiko Projek	1	23.5.2016

BIL	NAMA KURSUS	JUMLAH PESERTA	TARIKH
54.	Bengkel Penambahbaikan Pelaksanaan Projek Agropolitan Dan Projek Pemajuan Kawasan (PPK)	1	23 - 25.5.2016
55.	Persidangan Pengguna <i>Standard Accounting System For Government Agencies</i> (SAGA) Tahun 2016	2	24 - 26.5.2016
56.	Kursus Pra AKRAB Tahap 1 KKLW Tahun 2016	5	25 - 27.5.2016
57.	Kursus Pengenalan Asas Komputer Dan Internet	1	25.5.2016
58.	Seminar Kesedaran Kebangsaan Berkenaan Kembara Pelancongan	1	26.5.2016
59.	Kursus Pelaksanaan Pekeliling 7/2016 Pelaksanaan Dasar Pemisah ( <i>Exit Policy</i> )	1	29.5.2016
60.	Program Kesedaran Keselamatan Siber Sektor Awam	1	29.5.2016
61.	Seminar Pemantapan Peranan Juruaudit Dalam Ke Arah Meningkatkan Profesionalisme Dan Keberkesanan Audit Dalam Sektor Awam	2	30 - 31.5.2016
62.	Kolokium Pembangunan Luar Bandar	1	30 - 31.5.2016
63.	Bengkel Penyediaan Garis Panduan Promosi Dan Pemasaran Produk-Produk Usahawan Wilayah KETENGAH	10	31.5 - 1.6.2016
64.	Seminar 'Rahsia Menghasilkan <i>Grand Parent &amp; Parent Stock</i> Ayam Kampung'	2	18.6.2016
65.	Penulisan Email Dalam Bahasa Inggeris	14	13.7.2016
66.	Pelupusan Pelaksanaan Sistem My-Mesyuarat Fasa 2 Di KKLW Serta Agensi Di Bawah KKLW	3	18 - 19.7.2016
67.	Seminar <i>Investsmart</i> '5 Tabiat Pelabur Bijak Dalam Pelaburan Unit Amanah'	2	20.7.2016
68.	Seminar Ancaman Pelampau Liberalisme Terhadap Masyarakat Islam Malaysia	2	21.7.2016
69.	Kursus Pengurusan Majlis Rasmi Kerajaan	1	25 - 27.7.2016
70.	Seminar <i>On Land Matters 1</i>	3	25 - 27.7.2016
71.	Kursus Lanskap Laman Dan Tanaman Hiasan	4	26 - 28.7.2016
72.	Kursus Pendaftar Rahsia (SRC 1007) Siri 4/2016	3	26 - 28.7.2016

BIL	NAMA KURSUS	JUMLAH PESERTA	TARIKH
73.	Eksplorasi Perpustakaan Digital	1	27.7.2016
74.	Bengkel Penyelarasan Penerbitan Laporan Tahunan 2015	1	27 - 28.7.2016
75.	Seminar 'Teknologi Maklumat Pemangkin Kecekapan Perniagaan Koperasi'	2	6.8.2016
76.	Taklimat Bank Negara Malaysia (BNM) Bersama Majikan (KWSP)	2	8.8.2016
77.	Kursus Pra AKRAB Tahap 2 KKLW Tahun 2016	5	9 - 11.8.2016
78.	Kursus Penulisan Teks 'Menawan Minda Menggugah Jiwa'	2	10 - 12.8.2016
79.	Bengkel Pelaksanaan Konsep Baharu Projek Agropolitan Dan Projek Pemajuan Kawasan (PPK)	1	13 - 16.8.2016
80.	Persidangan Antarabangsa Strategi Lautan Biru (IcBOS)	1	16 - 18.8.2016
81.	Program Latihan Pegawai Integriti Bertauliah (CELO) Siri 16 Bil.5/2016	1	21.8 - 12.10.2016
82.	Bengkel Penyediaan Dasar Perumahan Negeri Terengganu	1	21 - 23.8.2016
83.	Bengkel ' <i>Focus Group Discussion</i> Rancangan Tempatan Daerah 2035' (Penggantian)	4	21.8.2016
84.	Kursus Pengurusan Modul Pengendalian Kes Tatatertib Untuk Penolong Pegawai Tadbir	1	22 - 24.8.2016
85.	Seminar Pendidikan Fatwa Negeri Terengganu Kali Ke 2/2016. 'Vaksin : Mafsadah @ Maslahah'	5	23.8.2016
86.	Kursus SPSS Untuk Penganalisis Data	1	24 - 25.8.2016
87.	Program Taklimat Dan Pemantauan Perikanan Darat	2	24 - 25.8.2016
88.	Kursus Transformasi Ke Arah Keunggulan Kendiri Dan Organisasi	2	24 - 26.8.2016
89.	<i>Focus Group Discussion (FGD)</i> Bagi Penyediaan Kajian Pelan Induk Pembangunan Ekonomi Negeri Terengganu 2015-2025	2	25.8.2016
90.	Taklimat <i>Awareness</i> Integrasi 1 Speks Agensi	2	1.9.2016
91.	Kursus Pembangunan Kemahiran Pemandu Untuk Pemandu Di KKLW	2	2 - 4.9.2016

BIL	NAMA KURSUS	JUMLAH PESERTA	TARIKH
92.	Kursus Asas Protokol Dan Etiket Sosial	1	5 - 7.9.2016
93.	Kursus <i>Malaysian Public Sector Accounting Standard (MPSAS)</i>	2	5 - 7.9.2016
94.	Kursus <i>Situational Leadership : Superboss</i>	2	5 - 8.9.2016
95.	Kursus Pengukuhan Pasukan Bil 3/2016	2	5 - 8.9.2016
96.	Bengkel Berhubung Penulisan (SKP) Bagi Pelaksanaan Perkhidmatan Rasionalisasi Skim Perkhidmatan	1	6.9.2016
97.	Program Dialog Isu Semasa Negara 2016	4	6.9.2016
98.	Pembentangan Produk - Imej Satelit ( <i>Planet Labs</i> )	6	7.9.2016
99.	Bengkel Kenaikan Pangkat Dan Prestasi Bagi Jawatan/ Agensi Di KKLW	2	7 - 9.9.2016
100.	Program <i>Team Building</i> Akrab & Mentor Mentee (Aktor)	2	7 - 9.9.2016
101.	Taklimat Mengenai Pelan Hala Tuju Strategik E-Dagang Kebangsaan	1	9.9.2016
102.	Bengkel Penambahbaikan Garis Panduan Program Bantuan Rumah Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat KKLW Bagi Tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas	2	21 - 23.9.2016
103.	Kursus <i>Increase Your Financial IQ : Understanding Financial Statement</i>	2	21 - 23.9.2016
104.	Sesi " <i>Luncheon Talk-Generation Management At Work Place</i> "	1	22.9.2016
105.	Program Penerapan Nilai Islam 2016	16	22.9.2016
106.	Program <i>Training On HRMIS For Users (THOR)</i> Bil.13/2016	3	26 - 27.9.2016
107.	Kursus Pemantapan Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) KKLW	5	26 - 28.9.2016
108.	Kursus Asas Teknikal Dan Pengurusan Projek Pembinaan	2	26 - 28.9.2016
109.	Program <i>Enhancing Integrity Project (EIP)</i> Bagi Program Pegawai Integriti Bertauliah Siri 16 Bil. 5/2016 Dan Siri 17 Bil. 6/2016	1	27 - 30.9.2016
110.	Seminar Pelaburan Melon Manis Terengganu	5	3.10.2016

BIL	NAMA KURSUS	JUMLAH PESERTA	TARIKH
111.	Kursus Pengurusan Rekod/Fail Dan Pengurusan Buku Rekod Perkhidmatan Untuk Pembantu Tadbir	2	4 - 6.10.2016
112.	Forum Komuniti Pintar 2016	2	6.10.2016
113.	Kursus Asas Fotografi Dan Videografi	3	9 - 11.10.2016
114.	Seminar Antarabangsa Eko Pelancongan Marin Negeri Terengganu (TEMCO) 2016	1	10 - 11.10.2016
115.	Persidangan Tahunan Agama Puspanita 'Menyemai Kasih Di Dunia, Menuai Cinta Di Syurga'	5	11.10.2016
116.	Seminar Keselamatan Cyber	2	12.10.2016
117.	Program <i>Executives Talk</i> Kesedaran Keselamatan Negara Berlandaskan Maqasid Syariah	8	12.10.2016
118.	Taklimat Kepada Badan Berkanun Persekutuan Mengenai Obligasi Malaysia Di Bawah Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik	2	16.10.2016
119.	Bengkel Pengemaskinian Submodul Profil Perkhidmatan Aplikasi <i>Human Resources Management Information System (HRMIS)</i>	2	18 - 20.10.2016
120.	Seminar Tahunan Kesihatan Puspanita	4	20.10.2016
121.	Seminar Pengurusan <i>Lean</i>	2	20.10.2016
122.	Forum Sempena Program ' <i>The 5 Mara Oiscainternational Business Forum 2016</i> '	2	24.10.2016
123.	Perbincangan Meja Bulat Kajian Penilaian Dasar Awam Dan Undang-Undang Ke Atas Kualiti Hidup Yang Lebih Baik Dan Penyampaian Awam Yang Efisien	2	24.10.2016
124.	Seminar Keselamatan Makanan Negeri Terengganu Tahun 2016	1	27.10.2016
125.	Seminar Rekabentuk Grafik	2	31.10.2016
126.	Bengkel Pengurusan Mesyuarat, Penulisan Minit Mesyuarat Dan Surat Rasmi Berkualiti	1	31.10 - 3.11.2016
127.	Latihan <i>Digital Forensic For First Responder</i> Siri 2 Tahun 2016	1	1 - 4.11.2016
128.	Latihan Pengguna Bagi <i>System Dashboard War Room KKLW</i>	2	3.11.2016
129.	Kursus <i>Corporate Directors Leadership And Integrity (CDLI)</i>	1	7 - 10.11.2016

BIL	NAMA KURSUS	JUMLAH PESERTA	TARIKH
130.	<i>Malaysian Public Sector Accounting Standard (MPSAS) - Agensi Kerajaan</i>	2	8 - 10.11.2016
131.	Bengkel Sistem Maklumat Banjir	4	8.11.2016
132.	Seminar <i>On The New ISO 9001:2015</i>	2	8.11.2016
133.	Seminar Kepimpinan Muda : Menggarap Kepimpinan Muda, Membina Masa Depan Negara Yang Gemilang	10	10.11.2016
134.	Kursus Setiausaha Pejabat 'Diari Seorang Setiausaha Pejabat Profesional' Di Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah	2	11 - 13.11.2016
135.	Majlis Pentauliahan Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah	8	14 - 15.11.2016
136.	Bengkel Analisis Keperluan Pembelajaran Di Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah	26	15 - 16.11.2016
137.	Simposium Psikologi Dan Kaunseling 2016 Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah	26	15 - 16.11.2016
138.	Kursus <i>Fraud And Corruption In The Public Sector &amp; Digital Forensic : Tool And Techniques</i>	1	16 - 17.11.2016
139.	Persidangan Tahunan Puspanita Tahun 2016	2	17 - 18.11.2016
140.	Seminar Inovasi Dan Sambutan Hari Inovasi KKLW 2016	29	22 - 23.11.2016
141.	Seminar Menjana Pemikiran Positif	4	22.11.2016
142.	Kursus Pembinaan Modul Latihan	2	22 - 24.11.2016
143.	Program Transformasi Minda Siri 1/2016 Anjuran Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah	4	23 - 28.11.2016
144.	Latihan <i>Refresh Course</i> Sistem Penggunaan Stor (SPS) Dan Pengurusan Aset Kepada Pegawai Dan Kakitangan KETENGAH	6	23 - 24.11.2016
145.	Kursus Masakan Barat	2	24 - 26.11.2016
146.	Kursus Kemahiran Asas Pendawaian, Pemasangan Dan Pengujian Sistem Kamera Litar Tertutup (CCTV) Wilayah KETENGAH Tahun 2016	3	25 - 27.11.2016
147.	Bengkel Pelan Perancangan Strategik Dan Halatuju Bagi Projek Pembangunan Luar Bandar KKLW Tahun 2017	3	28 - 29.11.2016
148.	Program INTAN <i>Research Fair 2016</i>	2	28.11.2016

BIL	NAMA KURSUS	JUMLAH PESERTA	TARIKH
149.	Taklimat Generasi Malaysia Bebas Amalan Merokok Dan Mesyuarat Pewartaan Kawasan Larangan Merokok Bagi Taman Awam Dan Taman Negara Peringkat Negeri Terengganu Tahun 2016	2	28.11.2016
150.	Kursus Persaraan "Belut Pulang Ke Lumpur"	3	28 - 30.11.2016
151.	Seminar Kesedaran Keselamatan ICT Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah Bil. 1/2016	2	29.11.2016
152.	Bengkel Penyelarasan Pembangunan Keusahawanan Dan Pelaksanaan Program/Projek Tahun 2017	1	1 - 3.12.2016
153.	Retreat Ketua-Ketua Agensi Untuk Penyelarasan Dan Pelaksanaan Program/Projek Tahun 2017	3	3 - 4.12.2016
154.	Mesyuarat Pemantapan Pembangunan Program Kepenggunaan	1	4 - 5.12.2016
155.	Bengkel Sistem Pelaksanaan Sistem Analitik Sumber Manusia Sektor Awam (Assist)	2	5 - 6.12.2016
156.	Program Transformasi Minda Siri 2/2016 Anjuran Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah	10	5 -10.12.2016
157.	Wacana Eksekutif Indeks Syariah Malaysia Peringkat Negeri Terengganu	1	6.12.2016
158.	Program Hari Anti Rasuah Sedunia Peringkat Negeri Terengganu	5	8.12.2016
159.	Bengkel Sistem Maklumat Banjir	4	8.12.2016
160.	Sesi <i>Executive Talk : Passion To Lead Rural Transformation</i>	3	8.12.2016
161.	Sesi <i>Training Of Trainers (TOT) Bersama-Sama Blue Ocean Strategy Online (BOS Online) Ambassadors @ Ministries</i>	2	13.12.2016
162.	Seminar TNB <i>Initiative In Development Of Hulu Terengganu Hydroelectric Project To Ensure Sustainability Of Environment And Ecosystem "Upholding The Environment, Beyond The Law And Obligation"</i>	1	14.12.2016
163.	Kursus Asas Penyelenggaraan Penyaman Udara Domestik Wilayah Ketengah 2016	2	16 - 18.12.2016
164.	Seminar Perampasan Tanah Akibat Kegagalan Membayar Cukai Pelanggaran Syarat Dan Pengambilan Tanah Di Bawah Akta Pengambilan Tanah Tahun 1960	3	20 - 21.12.2016
165.	Bengkel Penggunaan SISPER Versi 2 Modul Pentadbiran Kepada Pegawai Dan Kakitangan KETENGAH	9	21.12.2016
166.	Kursus Pengurusan Projek Awam Siri 4 Tahun 2016	3	22.12.2016



Panorama Kayu Mati, Tasik Kenyir




**PRESTASI  
KEWANGAN KETENGAH**

## PERUNTUKAN MENGRUS 2016

Pada tahun 2016, KETENGAH telah diluluskan peruntukan sebanyak RM99,005,800.00 yang merangkumi peruntukan mengurus sebanyak RM31,655,800.00 (31.97%) dan peruntukan pembangunan sebanyak RM67,350,000.00 (68.03%). Pecahan peruntukan yang diluluskan dan prestasi perbelanjaan adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam **Rajah 3**. Perbandingan Peruntukan Diluluskan, Peruntukan Diterima dan Prestasi Perbelanjaan Bagi Tahun 2015 dan 2016 adalah sebagaimana **Jadual 7**.

**Rajah 3 : Prestasi Perbelanjaan Peruntukan bagi Tahun 2016**



Walau bagaimanapun, peruntukan pembangunan yang diterima hanya berjumlah RM63,731,931.00 sahaja.

**Jadual 7: Perbandingan Peruntukan Diluluskan, Peruntukan Diterima Dan Prestasi Perbelanjaan bagi Tahun 2015 Dan 2016**

BIL.	KATEGORI	TAHUN 2016				TAHUN 2015			
		PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM)	PERUNTUKAN DITERIMA (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PERATUS BELANJA (%)	PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM)	PERUNTUKAN DITERIMA (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PERATUS BELANJA (%)
1	Peruntukan Mengurus	31,655,800.00	31,655,800.00	31,655,800.00	100.00	33,741,700.00	33,741,700.00	33,731,365.93	99.97
2	Peruntukan Pembangunan	67,350,000.00	63,731,931.00	54,051,050.68	84.81	40,750,000.00	40,750,000.00	37,159,805.89	91.19
<b>JUMLAH</b>		<b>99,005,800.00</b>	<b>95,387,731.00</b>	<b>85,706,850.68</b>	<b>89.85</b>	<b>74,491,700.00</b>	<b>74,491,700.00</b>	<b>70,891,171.82</b>	<b>95.20</b>


## PERUNTUKAN MENGURUS

Pada tahun 2016, peruntukan mengurus yang telah diluluskan kepada KETENGAH adalah berjumlah RM31,655,800.00. Kesemua peruntukan mengurus ini telah dibelanjakan. Pecahan peruntukan mengurus bagi tahun 2016 adalah sebagaimana **Jadual 8** dan **Rajah 4**.

**Jadual 8 : Pecahan Peruntukan Mengurus bagi Tahun 2016**

BIL.	PERKARA	PERUNTUKAN (RM)	PERATUS (%)
1	Emolumen	22,018,641.17	69.56
2	Perkhidmatan dan Bekalan	6,988,369.50	22.07
3	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	-	-
4	Bayaran-bayaran Lain	2,648,789.33	8.37
<b>JUMLAH</b>		<b>31,655,800.00</b>	<b>100.00</b>

**Rajah 4 : Pecahan Peruntukan Mengurus bagi Tahun 2016**



## PERUNTUKAN PEMBANGUNAN

Peruntukan pembangunan yang telah diluluskan pada tahun 2016 adalah berjumlah RM67,350,000.00 berbanding peruntukan yang diterima berjumlah RM63,731,931.00 dan sebanyak RM54,051,050.68 telah dibelanjakan. Peruntukan ini telah digunakan bagi melaksanakan tiga (3) program pembangunan sebagaimana **Jadual 9** di bawah:

**Jadual 9 : Pecahan Peruntukan Diluluskan, Peruntukan Diterima dan Prestasi Perbelanjaan Peruntukan Pembangunan Mengikut Program bagi Tahun 2016**

BIL.	PROGRAM	PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM)	PERUNTUKAN DITERIMA (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PERATUS BELANJA (%)
1.	Pembangunan Bandar & Pusat Pertumbuhan	31,250,000.00	30,804,200.00	26,888,637.91	87.29
2.	Pembangunan Kampung Tradisional	8,100,000.00	7,196,031.00	6,250,657.20	86.86
3.	Pembangunan Kawasan Tasik Kenyir	28,000,000.00	25,731,700.00	20,911,755.57	81.27
<b>JUMLAH</b>		<b>67,350,000.00</b>	<b>63,731,931.00</b>	<b>54,051,050.68</b>	<b>84.81</b>

## PERUNTUKAN AKAUN PENGURUSAN PROJEK KKLW

Sebanyak RM16,447,810.00 telah diluluskan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah kepada KETENGAH sebagai Peruntukan Akaun Pengurusan Projek KKLW bagi tahun 2016 untuk melaksanakan 16 program/projek. **Jadual 10** menunjukkan prestasi perbelanjaan peruntukan Akaun Pengurusan Projek KKLW mengikut program/projek yang telah dilaksanakan.

**Jadual 10 : Prestasi Perbelanjaan Peruntukan Akaun Pengurusan Projek KKLW**

BIL.	PERKARA	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PERATUS BELANJA (%)
1.	Program Peningkatan Pendapatan Di Bawah Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat Negeri Terengganu (Fasa 1) Tahun 2016	300,000.00	29,732.00	9.91
2.	Projek Ladang Berskala Besar (EPP7) Kg. Chemuak, Jerangau, Terengganu Tahun 2016	1,500,000.00	-	-
3.	Program Pemajuan Kawasan (PPK) Kg. Air Putih & Al Muktafi Billah Shah, Terengganu Tahun 2016	2,000,000.00	253,902.60	12.70
4.	Peruntukan Bagi Program Bantuan Rumah Di Bawah Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) Tahun 2016	2,200,000.00	1,078,396.44	49.02
5.	Program Latihan Kemahiran & Kerjaya (PLKK) (Fasa 1) Tahun 2016	500,000.00	329,615.00	65.92
6.	Yuran Pengajian Usahasama Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kolej Ketengah	232,690.00	232,690.00	100.00
7.	Program Pembangunan Usahawan Negeri Terengganu Tahun 2016	300,000.00	37,474.49	12.49
8.	Program Promosi RTC Di RTC Terengganu Untuk Tempoh Jan - Jun 2016	90,000.00	12,940.90	14.38
9.	Penyediaan Latihan Di Bawah Inisiatif 1 RTC Di RTC Terengganu 2016	157,000.00	31,361.40	19.98
10.	Kos Sara Hidup Di Bawah Program PPP	730,000.00	132,003.37	18.08
11.	Kursus Kemahiran Jangka Pendek Di Bawah Lembaga Kemajuan Wilayah (LKW)	500,000.00	156,060.10	31.21
12.	Penyelenggaraan Dan Pembaikan Kecil Premis-Premis Mini RTC Tahun 2016	33,270.00	-	-
13.	Elaun Pengerusi Dan Setiausaha JKKK Bagi Kendali Dan Hadir Mesyuarat	7,396,750.00	6,713,300.00	90.76
14.	Program Jalan Perhubungan Desa (JPD) Negeri Terengganu Tahun 2016	400,000.00	-	-
15.	Promosi Tarikan Pengunjung RTC Di RTC Terengganu 2016	100,000.00	-	-
16.	PBR Mengguna Peruntukan Kos Ekstrem & Bayaran GST Tahun 2016 - Fasa 7	8,100.00	-	-
<b>JUMLAH</b>		<b>16,447,810.00</b>	<b>9,007,476.30</b>	<b>54.76</b>



Santuari Kelah, Tasik Kenyir



**PRESTASI PROGRAM  
PEMBANGUNAN KETENGAH**

## PEMBANGUNAN BANDAR DAN PUSAT PERTUMBUHAN

KETENGAH merupakan salah sebuah Lembaga Kemajuan Wilayah (LKW) yang bertanggungjawab dalam melengkapkan pembangunan di lima (5) buah kawasan perbandaran dan pusat penempatan yang diwujudkan. Pelbagai projek telah dilaksanakan bagi memastikan kesejahteraan masyarakat luar bandar sentiasa terpelihara, bersih, selesa dan mempunyai kemudahan awam yang mencukupi.

Program ini tertumpu kepada empat (4) sektor utama iaitu penyediaan infrastruktur, kemudahan sosial, perumahan dan pembesaran bandar-bandar bagi menampung peningkatan jumlah penduduk. Melalui pembesaran kawasan perbandaran ini, ianya secara tidak langsung turut menjana aktiviti ekonomi perbandaran tersebut melalui pertambahan bilangan penduduk. Pembangunan dan taburan penduduk di perbandaran wilayah KETENGAH adalah sebagaimana **Jadual 11**.

**Jadual 11 : Pembangunan dan Taburan Penduduk di Perbandaran Wilayah KETENGAH**

NAMA BANDAR	KAWASAN PEMBANGUNAN			
	KELUASAN PERBANDARAN (HEKTAR)	KAWASAN INDUSTRI YANG TELAH DIBANGUNKAN (HEKTAR)	KAWASAN INDUSTRI YANG BELUM DIBANGUNKAN (HEKTAR)	JUMLAH PENDUDUK (ORANG)
Al Muktafi Billah Shah	1,771	122.00	184.00	14,032
Bukit Besi	1,618	15.70	-	8,665
Ketengah Jaya	1,782	0.15	19.05	25,177
Seri Bandi	1,074	20.90	17.90	7,640
Ceneh Baharu	2,850	62.80	40.20	16,073
<b>JUMLAH</b>	<b>9,095</b>	<b>221.55</b>	<b>261.15</b>	<b>** 71,587</b>

\*\* Anggaran penduduk di Perbandaran KETENGAH

Pada tahun 2016, KETENGAH telah diperuntukkan sebanyak RM31,250,000.00 bagi melaksanakan program/projek yang meliputi lima (5) buah kawasan perbandaran. Walau bagaimanapun, peruntukan yang diterima hanya berjumlah RM30,804,200.00 sahaja. Prestasi perbelanjaan 87.29% adalah sebagaimana **Jadual 12**.

**Jadual 12 : Pecahan Peruntukan Diluluskan, Peruntukan Diterima dan Prestasi Perbelanjaan Program Pembangunan Bandar dan Pusat Pertumbuhan bagi Tahun 2016**

BIL.	PROJEK	PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM)	PERUNTUKAN DITERIMA (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PERATUS BELANJA (%)
1.	Pembangunan Bandar Bukit Besi Sebagai Produk Pelancongan	5,000,000.00	4,977,400.00	3,604,726.96	72.42
2.	Sistem Kumbahan dalam Wilayah KETENGAH	8,000,000.00	7,924,000.00	7,196,708.93	90.82
3.	Pelengkap IKS Ceneh Baharu	3,000,000.00	3,000,000.00	3,000,000.00	100.00
4.	Penyediaan Infrastruktur Perumahan dan Ruang Niaga di Lima Perbandaran KETENGAH	1,500,000.00	1,500,000.00	1,482,842.80	98.86
5.	Premis Perniagaan di Perbandaran KETENGAH	2,600,000.00	2,600,000.00	1,935,059.60	74.43
6.	Kompleks Sukan di Bandar Al Muktafi Shah	2,000,000.00	1,652,800.00	1,200,911.74	72.66
7.	Pembangunan Pusat Perkhidmatan/Rekreasi & Infrastruktur Awam di Tasik Kenyir	1,000,000.00	1,000,000.00	1,000,000.00	100.00
8.	Jalan-jalan Perhubungan di Perbandaran KETENGAH	3,000,000.00	3,000,000.00	2,499,541.46	83.32
9.	Kemudahan Awam di Perbandaran KETENGAH	2,000,000.00	2,000,000.00	2,000,000.00	100.00
10.	Ruang Niaga di Tiga Susur Keluar LPT2	1,800,000.00	1,800,000.00	1,618,846.42	89.94
11.	Hentian Bas Henti-henti Wilayah KETENGAH	350,000.00	350,000.00	350,000.00	100.00
12.	Bekalan Elektrik Wilayah KETENGAH	1,000,000.00	1,000,000.00	1,000,000.00	100.00
<b>JUMLAH</b>		<b>31,250,000.00</b>	<b>30,804,200.00</b>	<b>26,888,637.91</b>	<b>87.29</b>

## PEMBANGUNAN KAMPUNG TRADISIONAL

Pada tahun 2016, KETENGAH telah diluluskan sebanyak RM8,100,000.00 bagi membangun dan memajukan 115 buah kampung tradisional dalam wilayahnya. KETENGAH bertanggungjawab dalam melaksanakan dua (2) projek yang telah ditetapkan bagi program ini iaitu Projek Ternakan Unggas Wilayah KETENGAH dan Pembangunan Pertanian dan Industri Asas Tani. Program ini bertujuan untuk meningkatkan potensi penduduk luar bandar yang majoritinya terdiri daripada petani dengan mencetuskan transformasi ekonomi yang dijalankan secara tradisional di kampung kepada aktiviti berskala lebih besar. Pecahan peruntukan diluluskan, peruntukan diterima dan prestasi perbelanjaan adalah sebagaimana di **Jadual 13**.

**Jadual 13 : Pecahan Peruntukan Diluluskan, Peruntukan Diterima dan Prestasi Perbelanjaan Program Pembangunan Kampung Tradisional bagi Tahun 2016**

BIL.	PROJEK	PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM)	PERUNTUKAN DITERIMA (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PERATUS BELANJA (%)
1.	Projek Ternakan Unggas Wilayah KETENGAH	4,100,000.00	3,473,000.00	2,680,638.73	65.38
2.	Pembangunan Pertanian & Industri Asas Tani	4,000,000.00	3,723,031.00	3,570,018.47	89.25
<b>Jumlah</b>		<b>8,100,000.00</b>	<b>7,196,031.00</b>	<b>6,250,657.20</b>	<b>86.86</b>

## PEMBANGUNAN KAWASAN TASIK KENYIR

Tasik Kenyir yang terletak di daerah Hulu Terengganu merupakan sebuah tasik buatan manusia yang terbentuk akibat takungan air daripada Empangan Kenyir yang siap dibina dan beroperasi pada tahun 1985. Keluasan kawasan takungan air ialah 38,000 hektar dan mengandungi 340 buah pulau jadian yang asalnya ialah kemuncak bukit yang tidak ditenggelami air serta 14 buah air terjun.

KETENGAH telah mengambil langkah mengeksplorasi unsur-unsur tersebut secara berkesan dan menterjemahkannya kepada beberapa elemen pelancongan seperti pelancongan ekologi, pengembaraan, sejarah dan warisan, sukan dan juga program homestay di kampung-kampung tradisional yang terpilih. Pembangunan pelancongan di Tasik Kenyir diberi keutamaan oleh KETENGAH untuk dimajukan sebagai destinasi pelancongan utama Negeri Terengganu.

Bagi meneruskan agenda pembangunan di Tasik Kenyir, peruntukan sebanyak RM28,000,000.00 telah diluluskan pada tahun 2016 bagi melaksanakan tujuh (7) komponen utama projek pelancongan. Walau bagaimanapun, peruntukan yang diterima hanya berjumlah RM25,731,700.00 dengan prestasi perbelanjaannya adalah 81.27 % iaitu seperti yang dinyatakan dalam **Jadual 14**.

**Jadual 14 : Pecahan Peruntukan Diluluskan, Peruntukan Diterima Dan Prestasi Perbelanjaan Program Pembangunan Tasik Kenyir bagi Tahun 2016**

BIL.	PROJEK	PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM)	PERUNTUKAN DITERIMA (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PERATUS BELANJA (%)
1.	Pembangunan Esplanade Pesisir Tasik di Bandar Baru Gawi	3,000,000.00	3,000,000.00	2,487,344.19	82.91
2.	Pusat Komersial Gawi	4,000,000.00	3,817,700.00	3,114,526.37	81.58
3.	Jaringan Perhubungan Pengangkutan Air Tasik Kenyir	5,000,000.00	4,074,000.00	3,275,021.04	80.39
4.	Sistem Pengangkutan Air & Keselamatan serta Limbungan	5,000,000.00	4,966,000.00	2,840,642.74	57.20
5.	Pembangunan Infrastruktur Kemudahan Awam dan Infostruktur di Pengkalan Gawi	3,500,000.00	2,374,000.00	2,372,747.30	99.33
6.	Kompleks Santuari Kelah	2,000,000.00	2,000,000.00	1,634,354.42	81.72
7.	Pembangunan Infrastruktur Pusat Penempatan di Bandar Baru Gawi	5,500,000.00	5,500,000.00	5,187,119.51	94.31
<b>JUMLAH</b>		<b>28,000,000.00</b>	<b>25,731,700.00</b>	<b>20,911,755.57</b>	<b>81.27</b>



Gua Bewah, Tasik Kenyir



**PENCAPAIAN PETUNJUK  
PRESTASI UTAMA (KPI)**

**Jadual 15 : Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI)**

BIL	TERAS	PROGRAM NASIONAL	OUTCOME	PROGRAM STRATEGIK
1.	1	Memantapkan pembangunan kapasiti	Sistem penyampaian perkhidmatan yang berintegriti tinggi dan diyakini	Naziran pengurusan
2.	1	Memantapkan pembangunan kapasiti	Penjawat awam yang berpengetahuan, inovatif, kompeten, <i>accountable</i> , dan boleh menyesuaikan diri mengikut perubahan	Kursus/bengkel/ceramah mengenai kesedaran kemahiran dan tata cara pengurusan kewangan dan perolehan
3.	1	Memantapkan pembangunan kapasiti	Sistem penyampaian perkhidmatan yang berintegriti tinggi dan diyakini	Perhimpunan Bulanan KETENGAH
4.	1	Memantapkan pembangunan kapasiti	Penjawat awam yang berpengetahuan, inovatif, kompeten, <i>accountable</i> , dan boleh menyesuaikan diri mengikut perubahan	Penerapan budaya integriti
5.	1	Memantapkan pembangunan kapasiti	Masyarakat yang mempunyai daya kreativiti dan inovasi yang tinggi, kemahiran yang bersesuaian, bersikap positif dan beretika	Penganjuran aktiviti di Mini RTC
6.	1	Memantapkan pembangunan kapasiti	Sistem penyampaian perkhidmatan yang berintegriti tinggi dan diyakini	Program hebahan dan promosi melalui sidang media/siaran media
7.	2	Meningkatkan pendapatan penduduk luar bandar menerusi aktiviti ekonomi berimpak tinggi	Kualiti hidup masyarakat di luar bandar semakin meningkat	Program peningkatan pendapatan penduduk sebagai ikon KETENGAH melalui pengkhususan aktiviti ekonomi
8.	2	Meningkatkan pendapatan penduduk luar bandar menerusi aktiviti ekonomi berimpak tinggi	Kualiti hidup masyarakat di luar bandar semakin meningkat	Program peningkatan pendapatan penduduk sebagai ikon KETENGAH melalui pengkhususan aktiviti ekonomi
9.	2	Meningkatkan pendapatan penduduk luar bandar menerusi aktiviti ekonomi berimpak tinggi	Kualiti hidup masyarakat di luar bandar semakin meningkat	Program mewujudkan rantaian strategik antara RTC dan usahawan tempatan (penawaran dan pemasaran produk)
10.	2	Meningkatkan pendapatan penduduk luar bandar menerusi aktiviti ekonomi berimpak tinggi	Kualiti hidup masyarakat di luar bandar semakin meningkat	Program peningkatan produktiviti pertanian dan ternakan

	KPI	SASARAN	PENCAPAIAN 2016
	KPI 1 Bilangan laporan audit	Memastikan 5 laporan auditan dikeluarkan	5 laporan telah dikeluarkan Peratus Pencapaian : 100.00%
	KPI 2 Bilangan kursus/bengkel/ceramah	Memastikan 2 kursus / bengkel / ceramah tentang kesedaran kemahiran dan tata cara pengurusan kewangan dan perolehan dilaksanakan	2 kursus / bengkel / ceramah telah dilaksanakan Peratus Pencapaian : 100.00%
	KPI 3 Bilangan Perhimpunan Bulanan	Memastikan Perhimpunan Bulanan KETENGAH diadakan setiap bulan kepada kakitangan	Perhimpunan Bulanan KETENGAH telah diadakan sebanyak 12 kali Peratus Pencapaian : 100.00%
	KPI 4 Bilangan aktiviti penerapan budaya integriti	Memastikan 6 aktiviti penerapan budaya integriti diadakan kepada pegawai dan kakitangan KETENGAH	Sebanyak 5 aktiviti pemantapan budaya integriti telah dilaksanakan Peratus Pencapaian : 83.33%
	KPI 5 Bilangan program/aktiviti di Mini RTC	Memastikan 4 program/aktiviti dilaksanakan di Mini RTC dalam Wilayah KETENGAH	4 program/aktiviti latihan kemahiran keusahawanan telah dilaksanakan di 28 Mini RTC Wilayah KETENGAH menjadikan keseluruhan 112 program Peratus Pencapaian : 100.00%
	KPI 6 Bilangan sidang media/siaran media	Memastikan sekurang-kurangnya 1 kali sebulan/12 kali sidang media/siaran media diadakan	13 kali sidang media/siaran media diadakan. Peratus Pencapaian : 100.00%
	KPI 7 Bilangan usahawan <i>anchor</i> dan penternak	Melahirkan 2 orang usahawan <i>anchor</i> dan 10 orang penternak sokongan dalam bidang ternakan	Seramai 7 orang usahawan telah dilahirkan dan usahawan <i>anchor</i> akan dilahirkan dikalangan usahawan tersebut Peratus Pencapaian : 58.33%
	KPI 8 Bilangan usahawan <i>anchor</i> dalam bidang pertanian dan pengusaha pertanian	Melahirkan 3 orang usahawan <i>anchor</i> dalam bidang pertanian dan 20 orang pengusaha pertanian	Seramai 13 orang usahawan <i>anchor</i> telah dilahirkan dan usahawan <i>anchor</i> akan dilahirkan dikalangan usahawan tersebut Peratus Pencapaian : 56.52%
	KPI 9 Bilangan usahawan sayur-sayuran dan ternakan	Pemasaran produk sayur-sayuran dan ternakan di RTC Terengganu melibatkan seramai 35 usahawan KETENGAH	Seramai 5 orang usahawan yang terlibat dalam ternakan puyuh tersebut Peratus Pencapaian : 14.29%
	KPI 10 Keluasan kawasan untuk pertanian	Membangun kawasan seluas 60 hektar untuk pertanian	Seluas 45 hektar sedang dibangunkan untuk pertanian Peratus Pencapaian : 75.00%

BIL	TERAS	PROGRAM NASIONAL	OUTCOME	PROGRAM STRATEGIK	
11.	2	Meningkatkan pendapatan penduduk luar bandar menerusi aktiviti ekonomi berimpak tinggi	Kualiti hidup masyarakat di luar bandar semakin meningkat	Program peningkatan produktiviti pertanian dan ternakan	
12.	2	Meningkatkan pendapatan penduduk luar bandar menerusi aktiviti ekonomi berimpak tinggi	Kualiti hidup masyarakat di luar bandar semakin meningkat	Program peningkatan produktiviti pertanian dan ternakan	
13.	2	Meningkatkan pendapatan penduduk luar bandar menerusi aktiviti ekonomi berimpak tinggi	Mempelbagaikan sektor pertumbuhan baru dalam aktiviti pelancongan	Meningkatkan jumlah kedatangan pelancong ke Tasik Kenyir melalui penganjuran aktiviti dan program bagi menjana ekonomi setempat	
14.	3	Membentuk modal insan luar bandar yang cemerlang	Masyarakat yang mempunyai daya kreativiti dan inovasi yang tinggi, kemahiran yang bersesuaian, bersikap positif dan beretika	Program Mesra Rakyat	
15.	3	Membentuk modal insan luar bandar yang cemerlang	Masyarakat yang mempunyai daya kreativiti dan inovasi yang tinggi, kemahiran yang bersesuaian, bersikap positif dan beretika	Anugerah Desa Sejahtera 1Malaysia (ADS1M)	
16.	4	Memperkasakan pembangunan infrastruktur, utiliti dan kemudahan awam yang menyeluruh	Sistem penyampaian perkhidmatan yang berintegriti tinggi dan diyakini	Naziran Projek	
17.	4	Memperkasakan pembangunan infrastruktur, utiliti dan kemudahan awam yang menyeluruh	Kualiti hidup masyarakat di luar bandar semakin meningkat	Program Ameniti Sosial	
18.	4	Memperkasakan pembangunan infrastruktur, utiliti dan kemudahan awam yang menyeluruh	Kualiti hidup masyarakat di luar bandar semakin meningkat	Program Ameniti Sosial	
19.	4	Memperkasakan pembangunan infrastruktur, utiliti dan kemudahan awam yang menyeluruh	Kualiti hidup masyarakat di luar bandar semakin meningkat	Pembangunan tapak perbandaran baru	
20.	4	Memperkasakan pembangunan infrastruktur, utiliti dan kemudahan awam yang menyeluruh	Kualiti hidup masyarakat di luar bandar semakin meningkat	Menambahbaik kemudahan sukan di AMBS	

	KPI	SASARAN	PENCAPAIAN 2016
	KPI 11 Bilangan pengeluaran ayam pedaging	Meningkatkan pengeluaran ayam pedaging daripada 40,000 ekor kepada 100,000 ekor/pusingan	Pengurusan ternakan ayam sedang ditambahbaik bagi mencapai KPI tersebut Peratus Pencapaian : 0.00%
	KPI 12 Bilangan pengeluaran puyuh	Meningkatkan pengeluaran puyuh daripada 24,000 ekor kepada 45,000 ekor/pusingan	Pengeluaran puyuh adalah sebanyak 30,000 satu pusingan Peratus Pencapaian : 66.66%
	KPI 13 Jumlah kedatangan pelancong ke Tasik Kenyir	Memastikan jumlah kedatangan pelancong ke Tasik Kenyir meningkat sekurang-kurangnya 10% berbanding kedatangan pelancong pada tahun 2015 (776,844 orang)	507,502 orang pengunjung berkunjung ke Tasik Kenyir Peratus Pencapaian : 65.33 %
	KPI 14 Bilangan program dalam setahun	Mengadakan sekurang-kurangnya 12 program setahun yang melibatkan sekurang-kurangnya 5,000 orang dalam Wilayah KETENGAH	18 program telah dianjurkan dengan jumlah penyertaan seramai 6,100 orang Peratus Pencapaian : 100.00%
	KPI 15 Jumlah kampung menyertai pertandingan ADS1M	Memastikan sekurang-kurangnya 50% kampung yang menyertai pertandingan memperoleh markah sekurang-kurangnya 75%	Pengemaskinian maklumat kampung dilaksanakan dari semasa ke semasa menerusi Sistem Profil Kampung Peringkat Nasional (SPKPN). Peratus Pencapaian : 0.00%
	KPI 16 Bilangan lawatan pemantauan projek	Lawatan pemantauan projek diadakan sekurang-kurangnya 2 kali sebulan	40 siri lawatan naziran telah dilaksanakan sepanjang tahun 2016 Peratus Pencapaian : 100.00%
	KPI 17 Jarak sistem suwa yang diselenggara	16 kilometer sistem suwa dapat diselenggarakan	16.23 km sistem suwa telah diselenggarakan Peratus Pencapaian : 100.00%
	KPI 18 Bilangan kolam oksidasi dinaiktaraf	7 unit kolam oksidasi dapat dinaiktaraf	13 unit kolam oksidasi sedang dinaiktaraf Peratus Pencapaian : 100.00%
	KPI 19 Keluasan tanah untuk tapak perumahan dan komersial	Membangunkan kawasan seluas 10 hektar sebagai tapak perumahan dan komersial	Seluas 10 hektar kawasan sedang dibangunkan sebagai tapak perumahan dan komersial di Pengkalan Gawi Peratus Pencapaian : 100.00%
	KPI 20 Keluasan kawasan baru untuk dimajukan	Membangunkan kawasan baru seluas 6 hektar untuk dimajukan dengan prasarana sukan	4 hektar telah berjaya dibangunkan Peratus Pencapaian : 66.67 %



Taman Rama-Rama, Tasik Kenyir



**PENILAIAN *OUTCOME*/  
PROJEK PEMBANGUNAN KKLW**

## PROGRAM GERAKAN DAYA WAWASAN (GDW)

### LATAR BELAKANG PROGRAM

Program Gerakan Daya Wawasan (GDW) adalah program nasional yang diinisiatifkan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Ini merupakan program pembangunan insan bagi menjadikan kampung-kampung maju, menarik dan menguntungkan dengan masyarakatnya yang progresif, sejahtera dan cemerlang.

Program ini memberi penekanan kepada pembangunan modal insan yang berasaskan konsep Daya Manusia, Daya Ekonomi dan Daya Pasaran.

- Daya Manusia adalah penekanan kepada potensi diri, modal sosial dan modal insan.
- Daya Ekonomi adalah penekanan kepada sumber kekayaan tempatan, sumber kewangan dan teknologi yang diketahui.
- Daya Pasaran adalah penekanan kepada pemasaran hasil produk kampung, kualiti, keunikan produk dan rangkaian pemasaran harga.

Terdapat 87 buah kampung dalam Wilayah KETENGAH yang terlibat secara langsung dalam pelaksanaan Program GDW sepanjang tahun.

Objektif program ini adalah bagi :-

- meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan latihan di kalangan masyarakat luar bandar secara berterusan dan tersusun;
- melahirkan masyarakat berdaya tahan;
- mempertingkatkan pengupayaan masyarakat desa untuk membawa perubahan;
- mempertingkatkan kerjasama dan penglibatan aktif masyarakat luar bandar; dan
- menjana sumber tenaga secara bersepadu.

Skop Program Gerakan Daya Wawasan adalah sebagaimana berikut :-

- Anugerah Desa Sejahtera 1 Malaysia (ADS1M);
- Program Peningkatan Ekonomi Kampung (PPEK);
- Lawatan Integrasi Desa;
- Pengukuhan Masyarakat; dan
- Pengupayaan GDW.

Kos keseluruhan yang telah dibelanjakan bagi Program GDW pada tahun 2015 adalah sebanyak RM500,000.00 sebagaimana pecahan **Jadual 16** yang berikut :-

**Jadual 16: Perbelanjaan Program GDW**

BIL.	SKOP	BELANJA (RM)
1.	Anugerah Desa Sejahtera 1 Malaysia (ADS1M)	215,000.00
2.	Program Peningkatan Ekonomi Kampung (PPEK)	60,000.00
3.	Lawatan Integrasi Desa	50,000.00
4.	Pengukuhan Masyarakat	75,000.00
5.	Pengupayaan GDW	100,000.00
<b>JUMLAH</b>		<b>500,000.00</b>

Program ini telah dilaksanakan sepanjang tahun 2015 bermula pada 1 Januari sehingga 31 Disember 2015 dengan penglibatan penduduk dalam Wilayah KETENGAH yang meliputi pedalaman Daerah Dungun, Kemaman dan Hulu Terengganu.

## LATAR BELAKANG KAJIAN

### Objektif Kajian

- Objektif kajian adalah untuk menilai tahap keberkesanan dan kepuasan peserta program terhadap program-program yang telah dilaksanakan.

### Skop Kajian

- Kajian ini adalah berdasarkan lima (5) skop utama iaitu :-
  - Anugerah Desa Sejahtera 1 Malaysia (ADS1M)  
Pertandingan kampung  
Majlis Penyampaian Anugerah
  - Program Peningkatan Ekonomi Kampung (PPEK)  
Ternakan Lebah Kelulut  
Tanaman Cendawan
  - Integrasi Desa  
Dua (2) siri lawatan integrasi desa ke kampung yang telah memenangi Anugerah Desa Sejahtera 1 Malaysia peringkat kebangsaan.
  - Pengukuhan Masyarakat  
Kursus Kepimpinan kepada pemimpin kampung GDW  
Program Mesra Rakyat
  - Pengupayaan GDW  
Program Keceriaan Kampung

Responden yang akan terlibat dalam kajian ini seramai 1,954 orang sebagaimana pecahan **Jadual 17** yang berikut :-

**Jadual 17 : Bilangan Responden**

BIL	PROGRAM	BIL. PESERTA (ORANG)	BIL. RESPONDEN (ORANG)
1.	ADS1M	1,740	1,740
2.	Projek Peningkatan Ekonomi Kampung (PPEK)	15	15
3.	Lawatan Integrasi Desa	80	80
4.	Pengukuhan Masyarakat	87	87
5.	Pengupayaan GDW	240	32
<b>JUMLAH</b>		<b>2,162</b>	<b>1,954</b>

Responden yang dipilih adalah terdiri daripada kumpulan sasar yang terlibat dengan program GDW iaitu pemimpin masyarakat, penduduk kampung dan peserta program.

### Tempoh Kajian

Tempoh pelaksanaan kajian adalah selama tujuh (7) bulan.

### Metodologi Kajian

Instrumen kajian bagi pelaksanaan kajian ini adalah menggunakan data primer dan sekunder sebagaimana keterangan **Jadual 18** yang berikut :-

**Jadual 18: Metodologi Kajian**

BIL	INSTRUMEN KAJIAN	
1.	Data Primer	Borang kaji selidik
		Temubual
2.	Data Sekunder	Borang maklumbalas peserta program
		Rekod pelaksanaan aktiviti
		Sistem Profil Kampung Peringkat Nasional

## PASUKAN KAJIAN

### Jawatankuasa Penilaian Outcome KETENGAH

Bagi pelaksanaan Penilaian Outcome di KETENGAH, Pengurusan KETENGAH telah menubuhkan satu Jawatankuasa Penilaian Outcome KETENGAH yang terdiri daripada :

- Pengerusi : Timbalan Pengurus Besar (Operasi)
- Keahlian :
- i. Bahagian Kesejahteraan Rakyat
  - ii. Bahagian Pelancongan dan Pembangunan Tasik Kenyir
  - iii. Bahagian Perumahan
- Urus Setia : Bahagian Pemantauan dan Penilaian

### Jawatankuasa Kerja Penilaian Outcome

Bagi pelaksanaan Penilaian Outcome Program Gerakan Daya Wawasan (GDW), satu Jawatankuasa Kerja telah ditubuhkan seperti berikut :

- Penasihat : Pengurus Kesejahteraan Rakyat
- Ketua : Penolong Pengurus (Pembangunan Desa)
- Penyelaras : Penolong Pegawai Tadbir (Pembangunan Desa)
- Keahlian :
- i. Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran
  - ii. Penolong Pegawai Pertanian
  - iii. Pembantu Tadbir Kanan
  - iv. Pembantu Tadbir

Kerja-kerja bancian di tapak bagi pelaksanaan penilaian outcome ini telah melibatkan seramai lapan (8) orang kakitangan.

## PEMBENTUKAN INDIKATOR PENCAPAIAN

Indikator pencapaian output adalah sebagaimana **Jadual 19** di bawah :-

**Jadual 19: Indikator Pencapaian Output**

BIL.	INDIKATOR	PENCAPAIAN
1.	ADS1M	Telah melaksanakan satu (1) program ADS1M yang melibatkan 87 buah kampung dalam wilayah KETENGAH
2.	PPEK	Seramai 15 orang peserta terlibat dalam 2 projek PPEK
3.	Integrasi Desa	Dua (2) siri lawatan integrasi desa berjaya dilaksanakan membabitkan 80 orang peserta.
4.	Pengukuhan Masyarakat	Satu (1) siri kursus diadakan melibatkan 87 orang peserta
5.	Pengupayaan GDW	Sebanyak 192 unit pasu dan 624 unit pokok bunga telah diagihkan kepada 16 kampung GDW yang terpilih

Indikator pencapaian *outcome* adalah sebagaimana **Jadual 20** di bawah :-

**Jadual 20 : Indikator Pencapaian Outcome**

BIL.	INDIKATOR	PENCAPAIAN
1.	ADS1M	Peningkatan 10 buah kampung Gred A dari tahun 2014
2.	PPEK	Peserta memperoleh pendapatan sehingga RM400.00 sebulan
3.	Integrasi Desa	Memperkasa 10 individu berdaya saing
4.	Pengukuhan Masyarakat	Memperkasa 10 pemimpin yang berjaya memajukan kampung
5.	Pengupayaan GDW	10 kampung yang kondusif

## ANALISA KAJIAN

### Analisa Kajian Output

Analisis yang dijalankan terhadap data sekunder seperti Borang Maklumbalas Peserta Program, Sistem Profile Kampung Peringkat Nasional (SPKPN), rekod pelaksanaan aktiviti dan fail-fail Bahagian Kesejahteraan Rakyat KETENGAH yang terlibat.

Sasaran yang ditetapkan bagi skop kajian Anugerah Desa Sejahtera 1Malaysia (ADS1M) adalah untuk menganjurkan satu program berkenaan dengan penglibatan kesemua 87 buah kampung dalam Wilayah KETENGAH. Sasaran ini telah dapat dicapai dan Majlis Penyampaian Anugerah Desa Sejahtera 1Malaysia Wilayah KETENGAH telah diadakan pada 14 Januari 2016.

Sasaran yang ditetapkan untuk skop kajian yang kedua ialah dua (2) Projek Peningkatan Ekonomi Kampung (PPEK) dengan sasaran peserta seramai 15 orang. Skop kajian ini juga telah mencapai sasaran yang ditetapkan dengan dua (2) projek ekonomi iaitu projek tanaman cendawan seramai tiga (3) peserta dan projek ternakan lebah kelulut seramai 12 peserta.

Sasaran bagi skop kajian yang ketiga adalah mengadakan dua (2) siri lawatan bermaklumat melibatkan 40 orang peserta bagi satu (1) siri lawatan. Sasaran ini juga telah dapat dicapai dengan dua (2) siri lawatan bermaklumat ke kampung yang menjadi Johan dan Naib Johan Kebangsaan Anugerah Desa Sejahtera 1Malaysia 2014.

Sasaran skop kajian yang keempat adalah untuk melaksanakan satu (1) siri kursus dengan jumlah peserta yang terlibat adalah seramai 87 orang. Ini juga dapat dicapai dengan pelaksanaan Kursus Kepimpinan Desa yang melibatkan 87 orang peserta terdiri daripada Pengerusi atau Setiausaha JKKK di setiap kampung.

Sasaran skop kajian yang terakhir adalah untuk membekalkan 190 unit pasu dan 600 unit pokok bunga kepada kampung yang terpilih dalam Wilayah KETENGAH bertujuan untuk menceriakan kawasan kampung berkenaan. Sasaran ini juga tercapai pembekalan 192 unit pasu dan 624 unit pokok kepada kampung yang terpilih.

### Analisa Kajian Outcome

Analisis yang dijalankan terhadap data primer seperti Borang Kaji Selidik, temubual yang melibatkan 1,954 orang responden.


Data-data yang diperoleh akan dinilai menggunakan kaedah *Statistical Package For Social Sciences* (SPSS) bagi melihat hasil kajian dan seterusnya melaksanakan sebarang penambahbaikan terhadap kajian yang telah dilaksanakan. Analisa data ini akan dilaksanakan dengan kerjasama Bahagian Pembangunan Teknologi Maklumat dan Komunikasi KETENGAH.

### Analisa Gender Responden




## Analisa Umur Responden


Pengupayaan GDW




Anugerah Desa Sejahtera 1Malaysia




Projek Peningkatan Ekonomi Kampung




Integrasi Desa



Pengukuhan Masyarakat



Pengupayaan GDW



Sasaran yang ditetapkan untuk skop kajian pertama adalah untuk meningkatkan taraf penggreddan kampung daripada 24 buah kampung Gred A pada tahun 2014 kepada 34 buah kampung Gred A pada tahun 2015. Pencapaian sebenar pada tahun 2015 adalah sebanyak 42 buah kampung telah berjaya memperoleh Gred A.

Sasaran bagi skop kajian kedua pula adalah untuk memastikan peserta PPEK memperoleh pendapatan bulanan sehingga RM400.00. Pencapaian sebenar adalah setiap peserta PPEK memperoleh pendapatan bulanan sehingga RM1,200.00

Sasaran bagi skop kajian ketiga adalah untuk memperkasakan sepuluh (10) individu yang berdaya saing dalam meningkatkan taraf hidup manakala pencapaian yang sebenar adalah 20 individu dapat diperkasakan.

Sasaran skop kajian yang keempat pula adalah untuk memperkasakan sepuluh (10) orang pemimpin yang berjaya memajukan kampung dan pencapaian sebenar adalah seramai 20 orang pemimpin berjaya diperkasakan dalam memajukan kampung.

Sasaran skop kajian yang kelima adalah memastikan sepuluh (10) kampung dalam Wilayah KETENGAH tergolong dalam kampung yang kondusif. Pencapaian yang telah dicapai adalah 16 buah kampung tergolong dalam kampung yang kondusif.

## **ISU DAN MASALAH**

Kekangan bajet menyebabkan Program Gerakan Daya Wawasan tidak dapat dilaksanakan secara menyeluruh disamping kurangnya komitmen daripada penduduk dalam melaksanakan program-program GDW.

Pelaksanaan Program Gerakan Daya Wawasan hanya dapat dilaksanakan dalam skala yang kecil dan tidak menyeluruh kepada kumpulan sasar berikutan dari kekangan bajet.

Perubahan sikap di kalangan kepimpinan dan penduduk kampung tidak dapat dicapai sepenuhnya untuk memajukan kampung.

## **SYOR DAN CADANGAN**

Pihak yang terlibat perlu memperkasakan kepimpinan kampung agar pemimpin-pemimpin ini dapat menyahut seruan kerajaan untuk membentuk kampung yang maju, harmoni dan sejahtera.

Daya pemikiran setiap penduduk perlu ditingkatkan menerusi aktiviti-aktiviti GDW secara berterusan dalam usaha untuk memajukan kampung.

Bajet tahunan perlu disalurkan dan ditambah dari setahun ke setahun kepada agensi yang terlibat agar program ini dapat diadakan setiap tahun untuk menghasilkan kampung yang berjaya.

## **MOVING FORWARD**

Kerjasama antara agensi kerajaan, swasta, institusi pengajian tinggi dan kampung-kampung contoh perlu bagi memberi pendedahan dan membuka minda masyarakat luar bandar. Contoh program yang boleh dilaksanakan adalah Program Kampung Angkat.

## **RUMUSAN**

Kesemua Program Gerakan Daya Wawasan dalam Wilayah KETENGAH yang dirancang pada tahun 2015 dapat dilaksanakan sepenuhnya dan mencapai sasaran yang telah ditetapkan.

Sebanyak 95% daripada jumlah responden yang terdiri daripada kumpulan sasar program ini berpuas hati dengan pelaksanaan program.

Program ini memberi impak yang positif dan dapat melahirkan masyarakat yang berkepimpinan, berwibawa dan berdaya saing dalam membangunkan kampung ke arah kampung yang maju, menarik dan menguntungkan.

## PROGRAM RANGKAIAN SUWA

### LATAR BELAKANG PROJEK

Pembinaan perumahan dan premis perniagaan di Perbandaran KETENGAH telahpun bermula pada tahun 1970an dan ianya dilengkapi dengan pembinaan sistem rangkaian suwa. Sehingga kini, jumlah rumah dan premis perniagaan yang telah dibina oleh KETENGAH mengikut Perbandaran adalah sebagaimana **Jadual 21** yang berikut :

**Jadual 21 : Jumlah Rumah dan Premis Perniagaan**

BIL	BANDAR	BILANGAN (BUAH)		
		RUMAH	PREMIS PERNIAGAAN	KESELURUHAN
1.	Al Muktafi Billah Shah, Dungun	2,043	75	2,118
2.	Bukit Besi, Dungun	711	12	723
3.	Ketengah Jaya, Dungun	567	40	607
4.	Seri Bandi, Kemaman	1,163	26	1,189
5.	Ceneh Baharu, Kemaman	1,083	27	1,100
<b>JUMLAH</b>		<b>5,567</b>	<b>180</b>	<b>5,747</b>

Pembinaan sistem rangkaian suwa pada tahun 1970an adalah menggunakan kaedah yang paling moden masa tersebut.

Jumlah jarak Sistem Rangkaian Suwa yang telah dibina oleh KETENGAH adalah 77.6 kilometer dan perincian jaraknya mengikut Perbandaran adalah sebagaimana **Jadual 22** yang berikut :

**Jadual 22 : Jarak Sistem Rangkaian Suwa**

BIL	BANDAR	JARAK DIBINA (KILOMETER)
1.	Al Muktafi Billah Shah, Dungun	26.8
2.	Bukit Besi, Dungun	9.2
3.	Ketengah Jaya, Dungun	13.1
4.	Seri Bandi, Kemaman	12.0
5.	Ceneh Baharu, Kemaman	16.5
<b>JUMLAH</b>		<b>77.6</b>

Segala pengurusan dan pentadbiran bagi semua perumahan dan premis perniagaan serta sistem rangkaian suwanya yang terdapat di Perbandaran KETENGAH adalah di bawah tanggungjawab KETENGAH. Pada masa sekarang, rumah dan kedai KETENGAH telahpun berusia lebih daripada 40 tahun. Penggunaan sistem rangkaian suwa yang digunapakai juga adalah usia pembinaan rumah dan kedai.

Penggunaan sistem rangkaian suwa dalam tempoh yang terlalu lama telah menyebabkan berlakunya kerosakan paip pecah dan tersumbat.

Paip asal yang digunakan adalah bersaiz di antara 150 mm hingga 200 mm. Saiz paip yang kecil menyebabkan berlakunya masalah paip tersumbat. Selain itu, laluan asal rangkaian suwa yang dibina berada di dalam lot-lot rumah dan premis perniagaan. Ini menyukarkan kerja-kerja penyelenggaraan sekiranya berlaku masalah rangkaian suwa.

Keadaan tersebut berlaku disebabkan oleh :

- i. Pergerakan tanah
- ii. Akar-akar pokok telah memasuki rangkaian suwa
- iii. Cara penggunaan suwa yang tidak berhemah di kalangan masyarakat.
- iv. Rangkaian paip suwa yang patah kesan daripada hakisan tanah.
- v. Pengubahsuaian rumah dan premis perniagaan tanpa mengambilkira kedudukan rangkaian suwa yang asal.

Bagi tujuan penyelenggaraan sistem rangkaian sistem suwa tersebut akibat masalah yang timbul sebagaimana di Para 4.1.9, maka kerja-kerja penyelenggaraan sistem rangkaian suwa perlu dibuat.

### SKOP PROJEK

Membaikpulih dan Menaiktaraf Sistem Rangkaian Suwa serta kerja-kerja berkaitan di Perbandaran KETENGAH.

### OBJEKTIF PROJEK

Membaikpulih dan Menaiktaraf Sistem Rangkaian Suwa di Perbandaran KETENGAH di Parlimen Dungun dan Kemaman.

### PERUNTUKAN

Projek Sistem Rangkaian Suwa di Perbandaran KETENGAH telah dilaksanakan bermula pada RMKe-9 dan RMKe-10 di bawah Program Penyelenggaraan Suwa dengan komponen yang diluluskan.

Kelulusan peruntukan bagi RMKe-9 dan RMKe-10 mengikut tahun adalah berjumlah RM3,205,000.00 iaitu sebagaimana **Jadual 23** yang berikut :

**Jadual 23 : Jumlah Peruntukkan Diluluskan**

BIL.	TAHUN	JUMLAH DILULUSKAN (RM)
1.	2008	350,000.00
2.	2009	300,000.00
3.	2010	300,000.00
4.	2011	350,000.00
5.	2012	550,000.00
6.	2013	400,000.00
7.	2014	455,000.00
8.	2015	500,000.00
<b>JUMLAH KESELURUHAN (RM)</b>		<b>3,205,000.00</b>

Peruntukan bagi pelaksanaan Projek Sistem Rangkaian Suwa di Perbandaran KETENGAH bagi Tahun 2015 adalah berjumlah RM500,000.00.

## KAEDAH PEROLEHAN

Kaedah Perolehan bagi Projek Sistem Rangkaian Suwa di Perbandaran KETENGAH bagi Tahun 2015 adalah sebutharga.

Berikut (**Jadual 24**) adalah senarai kontraktor yang dilantik bagi Projek Sistem Rangkaian Suwa di Perbandaran KETENGAH bagi Tahun 2015

**Jadual 24: Senarai Kontraktor Dilantik**

BIL.	LOKASI	NAMA KONTRAKTOR	TARIKH	
			MULA	SIAP
1.	Al Muktafi Billah Shah	FKZ Enterprise	11 Mei 2015	6 September 2015
2.	Bukit Besi	Syarikat Giat Sama	31 Mei 2015	25 Julai 2015
3.	Ketengah Jaya	Muheiz Bina Enterprise	11 Mei 2015	30 Ogos 2015
4.	Seri Bandi	Riz Engineering Construction	1 Julai 2015	22 September 2015
5.	Ceneh Baharu	Absian Kemuning Enterprise	1 Julai 2015	22 September 2015

## PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) KETENGAH TAHUN 2015

Salah satu KPI KETENGAH Tahun 2015 adalah Menyelenggara Sistem Suwa yang berkualiti di Perbandaran KETENGAH iaitu sebagaimana **Jadual 25** yang berikut :

**Jadual 25: KPI Menyelenggara Sistem Suwa**

PROGRAM NASIONAL RMKE-10	OUTCOME	PROGRAM STRATEGIK	KPI	SASARAN	PENCAPAIAN
Program Perkhidmatan Bandar	Penyediaan keperluan asas yang berkualiti setanding dengan kawasan Bandar yang membangun	Menyelenggara Sistem Suwa yang berkualiti di Perbandaran KETENGAH dengan jarak selenggaraan 7 kilometer bagi keselesaan dan keselamatan penduduk.	Jumlah jarak Sistem Suwa diselenggara	7 kilometer	13.89 kilometer jarak Sistem Suwa dapat diselenggara  198.43%

## TEMPOH PELAKSANAAN

Projek Sistem Rangkaian Suwa di Perbandaran KETENGAH bagi Tahun 2015 adalah bermula pada 11 Mei 2015 hingga 22 September 2015.

## PERNYATAAN MASALAH

Berdasarkan kepada rekod yang diperolehi daripada Bahagian Perumahan KETENGAH mendapati bahawa berlakunya peningkatan aduan mengenai masalah Sistem Rangkaian Suwa di Perbandaran KETENGAH jika dibandingkan pada Tahun 2014 dan Tahun 2015.

Berikut (**Jadual 26**) adalah bilangan aduan bagi masalah Sistem Rangkaian Suwa yang telah dibuat oleh penyewa/pemilik rumah dan premis perniagaan kepada KETENGAH bagi Tahun 2014 dan Tahun 2015 :

**Jadual 26: Bilangan Aduan Bagi Masalah Sistem Rangkaian Suwa**

BIL.	TAHUN	BILANGAN ADUAN DITERIMA
1.	Tahun 2014	66
2.	Tahun 2015	125
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>191</b>

Penyataan masalah bagi kajian ini adalah sebagaimana berikut :

- i. Peningkatan aduan masalah sistem rangkaian suwa yang berulang.
- ii. Penggunaan sistem rangkaian suwa yang kurang berhemah oleh penyewa/pemilik rumah dan premis perniagaan KETENGAH.

## LATAR BELAKANG KAJIAN

### Objektif Kajian

Berikut adalah objektif utama bagi Kajian Penilaian Outcome Sistem Rangkaian Suwa di Perbandaran KETENGAH di Parlimen Dungun dan Kemaman :

- i. Menilai Tahap Keberkesanan Pelaksanaan Sistem Rangkaian Suwa di Perbandaran KETENGAH.
- ii. Menilai Tahap Persepsi Pengguna Terhadap Sistem Rangkaian Suwa di Perbandaran KETENGAH.

Indikator ini adalah dipilih berdasarkan kepada persetujuan Pengurusan KETENGAH.

### Maklumat Kajian

**Jadual 27 : Maklumat Kajian**

BIL.	PERKARA	KETERANGAN
1.	Daerah	Dungun dan Kemaman
2.	Parlimen	Dungun dan Kemaman
3.	DUN	Bukit Besi, Paka, Kijal dan Air Putih
4.	Status	Rumah dan Premis Perniagaan KETENGAH
5.	Lokasi	Perbandaran KETENGAH
6.	Agensi Pelaksana	KETENGAH
7.	Kumpulan Sasar	Sasaran : 289 Orang Pencapaian : 269 Orang
8.	Status Responden	Penyewa/pemilik Rumah dan Premis Perniagaan KETENGAH

### Tarikh Kajian

Kajian ini telah dilaksanakan selama empat (4) hari bermula pada 2 Ogos 2016 hingga 7 Ogos 2016.

### Metodologi Kajian

Pengumpulan dan pengemaskinian data dibuat secara dua (2) cara iaitu :

### Data Primer

Pengumpulan data diperolehi melalui Persampelan Secara Rawak dan penggunaan Borang Soal Selidik secara bersemuka yang diedarkan kepada responden di lima (5) Perbandaran KETENGAH iaitu :

- i. Bandar Al-Muktafi Billah Shah, Dungun.
- ii. Bandar Bukit Besi, Dungun.
- iii. Bandar Ketengah Jaya, Dungun.
- iv. Bandar Seri Bandi, Kemaman.
- v. Bandar Ceneh Baharu, Kemaman.

### Data Sekunder

- i. Meneliti rekod-rekod dan maklumat di Bahagian Perumahan dan Bahagian-bahagian berkaitan serta Minit Mesyuarat yang berkaitan dengan pelaksanaan projek.
- ii. Sumber maklumat lama dan bahan rujukan di Perpustakaan.
- iii. Borang Aduan Kerosakan Rumah yang dikemukakan oleh pengguna.
- iv. Lain-lain dokumen yang berkaitan.

Borang Soal Selidik bagi kajian ini mempunyai enam (6) bahagian iaitu sebagaimana **Jadual 28** yang berikut :

**Jadual 28 : Pecahan Soalan**

SEKSYEN	PERKARA	BILANGAN SOALAN
Seksyen A	Demografik Responden	11
Seksyen B	Kemudahan Tandas di Rumah	5
Seksyen C	Masalah dan Kerosakan Rangkaian Suwa	7
Seksyen D	Tahap Kepuasan Pengguna	7
Seksyen E	Impak Pengguna	5
Seksyen F	Cadangan Penambahbaikan	2
<b>JUMLAH KESELURUHAN SOALAN</b>		<b>37</b>

### KUMPULAN SASAR

Kumpulan sasar bagi tujuan hasil program adalah terdiri daripada penyewa/pemilik rumah dan premis perniagaan KETENGAH di Perbandaran KETENGAH.

Bagi tujuan pelaksanaan kajian ini, bilangan saiz sample (N) yang diambil adalah sebanyak 5% daripada jumlah keseluruhan rumah dan premis perniagaan yang telah dibina oleh KETENGAH.

Bilangan responden untuk pelaksanaan kajian ini adalah sebagaimana **Jadual 29** yang berikut:

**Jadual 29: Bilangan Responden**

BIL	BANDAR	JUMLAH TELAH DIBINA (BUAH)	BILANGAN SIZE SAMPEL (N)
1.	Al Muktafi Billah Shah, Dungun	2,118	106
2.	Bukit Besi, Dungun	723	37
3.	Ketengah Jaya, Dungun	607	31
4.	Seri Bandi, Kemaman	1,189	60
5.	Ceneh Baharu, Kemaman	1,100	55
<b>JUMLAH</b>		<b>5,747</b>	<b>289</b>

Pengumpulan data yang melibatkan kumpulan sasar adalah seramai 289 orang responden.

Kaedah pemilihan responden yang dibuat bagi kajian ini adalah secara rawak iaitu responden yang tinggal berhampiran dengan lokasi yang terlibat dengan pelaksanaan kerja-kerja penyelenggaraan Sistem Rangkaian Suwa di Perbandaran KETENGAH pada Tahun 2015 serta kawasan sekitarnya.

### SAIZ SAMPEL

Jumlah Borang Soal Selidik yang diisi dan berjaya dikutip adalah sebagaimana **Jadual 30** yang berikut :

**Jadual 30: Bilangan Responden**

BIL.	BANDAR	BILANGAN BORANG SOAL SELIDIK		
		JUMLAH DIEDARKAN	BERJAYA DIKUTIP	TIDAK BERJAYA DIKUTIP
1.	Al Muktafi Billah Shah, Dungun	106	97	9
2.	Bukit Besi, Dungun	37	32	5
3.	Ketengah Jaya, Dungun	31	26	5
4.	Seri Bandi, Kemaman	60	60	0
5.	Ceneh Baharu, Kemaman	55	49	6
<b>JUMLAH</b>		<b>289</b>	<b>269</b>	<b>20</b>

Didapati sebanyak 93.08% daripada keseluruhan jumlah Borang Soal Selidik yang diedarkan telahpun berjaya dikutip semula.

### PASUKAN KAJIAN

#### Jawatankuasa Penilaian *Outcome* KETENGAH

Bagi pelaksanaan Penilaian *Outcome* di KETENGAH, Pengurusan KETENGAH telah menubuhkan satu

Jawatankuasa Penilaian Outcome KETENGAH yang terdiri daripada :

Pengerusi : Timbalan Pengurus Besar (Operasi)

Keahlian :

- i. Bahagian Pelancongan dan Pembangunan Tasik Kenyir
- ii. Bahagian Kesejahteraan Rakyat
- iii. Bahagian Perumahan

Urus Setia : Bahagian Pemantauan dan Penilaian

### **Jawatankuasa Kerja Penilaian Outcome**

Bagi pelaksanaan Penilaian *Outcome* Penyelenggaraan Sistem Rangkaian Suwa di Perbandaran KETENGAH, satu Jawatankuasa Kerja telah ditubuhkan sebagaimana berikut :

Penasihat : Penolong Pengurus (Perumahan)

Ketua : Penolong Pengurus (Perumahan I)

Penyelaras :

- i. Penolong Juru Ukur
- ii. Penolong Jurutera

Keahlian :

- iii. Penghantar Notis I
- iv. Penghantar Notis II
- v. Penghantar Notis III
- vi. Tukang I
- vii. Tukang II
- viii. Tukang III

Kerja-kerja bancian di tapak bagi pelaksanaan Penilaian Outcome ini telah melibatkan seramai lapan (8) orang kakitangan.

## ANALISA DATA

Jadual 31 : Demografik Responden


ITEM DEMOGRAFIK	KEKERAPAN	PERATUS (%)
<b>Bandar</b>		
Bukit Besi	32	11.9
Ketengah Jaya	26	9.7
Al-Muktafi Billah Shah	102	37.9
Seri Bandi	60	22.3
Ceneh Baharu	49	18.2
<b>Umur</b>		
20 tahun dan ke bawah	0	0.0
21 – 30 tahun	11	4.1
31 – 40 tahun	36	13.4
41 – 50 tahun	74	27.5
51 – 60 tahun	89	33.1
61 tahun dan ke atas	59	21.9
<b>Jantina</b>		
Lelaki	177	65.8
Perempuan	92	34.2
<b>Bangsa</b>		
Melayu	266	98.9
Cina	1	0.4
India	0	0.0
Lain-lain bangsa	2	0.7
<b>Taraf Perkahwinan</b>		
Bujang	10	3.7
Berkahwin	238	88.5
Duda/Janda	21	7.8
Lain-lain	0	0.0
<b>Tahap Pendidikan Ketua Isi Rumah</b>		
Sekolah Rendah/UPSR	95	35.3
PMR/PT3	44	16.4
SPM	97	36.1
Tingkatan 6/STPM/	19	7.1
Diploma	8	3.0
Ijazah/Master/PHD	6	2.2

ITEM DEMOGRAFIK	KEKERAPAN	PERATUS (%)
<b>Pekerjaan</b>		
Kerajaan	82	30.5
Swasta	44	16.4
Sendiri	75	27.9
Tidak Bekerja	68	25.3
<b>Tempoh Mendiami Rumah</b>		
Kurang daripada 5 tahun	9	3.3
6 – 10 tahun	22	8.2
11 – 15 tahun	18	6.7
16 – 20 tahun	49	18.2
21 – 25 tahun	54	20.1
26 – 30 tahun	65	24.2
31 tahun dan ke atas	52	19.3
<b>Bilangan Isi Rumah</b>		
1 Orang	3	1.1
2 Orang	24	8.9
3 Orang	26	9.7
4 Orang	32	11.9
5 Orang	53	19.7
6 Orang	52	19.3
7 Orang	45	16.7
8 Orang	14	5.2
9 Orang	9	3.3
10 Orang	11	4.1
<b>Pendapatan Bulanan Ketua Isi Rumah</b>		
Kurang daripada RM500.00	52	19.3
Antara RM501.00 – RM1,000.00	52	19.3
Antara RM1,001.00 – RM2,000.00	81	30.1
Antara RM2,001.00 – RM3,000.00	54	20.1
Antara RM3,001.00 – RM4,000.00	19	7.1
Antara RM4,001.00 – RM5,000.00	5	1.9
Antara RM5,001.00 – RM6,000.00	4	1.5
Antara RM6,001.00 – RM7,000.00	0	0.0
RM7,001.00 dan ke atas	2	0.7

Didapati bahawa pecahan responden yang terlibat dengan kajian ini adalah terdiri daripada sebagaimana berikut :

- i. Bandar Bukit Besi - 32 orang (11.9%)
- ii. Bandar Ketengah Jaya - 26 orang (9.7%)
- iii. Bandar Al-Muktafi Billah Shah - 102 orang (37.9%)
- iv. Bandar Seri Bandi - 60 orang (22.3%)
- v. Bandar Ceneh Baharu - 49 orang (18.2%)


**Rajah 17 : Pecahan Responden**



Berdasarkan kepada kajian yang dibuat mendapati bahawa majoriti umur responden adalah di antara 41 tahun hingga 50 tahun iaitu 33.1%, diikuti dengan umur di antara 31 tahun hingga 40 tahun iaitu 27.5% dan seterusnya umur di antara 51 tahun hingga 60 tahun iaitu 21.9%.

**Jadual 32 : Umur Responden**

UMUR	KEKERAPAN	PERATUS (%)
20 tahun dan ke bawah	0	0.0
21 – 30 tahun	11	4.1
31 – 40 tahun	36	13.4
41 – 50 tahun	74	27.5
51 – 60 tahun	89	33.1
60 tahun dan ke atas	59	21.9
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>269</b>	<b>100.0</b>




Majoriti responden iaitu seramai 177 orang (65.8%) adalah lelaki dan bakinya pula seramai 92 orang (34.2%) adalah perempuan.

**Jadual 33: Jantina Responden**

JANTINA	KEKERAPAN	PERATUS (%)
Lelaki	177	65.8
Perempuan	92	34.2
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>269</b>	<b>100.0</b>

**Rajah 19 : Jantina Responden**




Kajian mendapati bahawa majoriti responden adalah berbangsa Melayu iaitu seramai 266 orang (98.9%), diikuti dengan lain-lain bangsa iaitu seramai 2 orang (0.7%) dan bakinya pula adalah berbangsa Cina iaitu seramai 1 orang (0.4%).

**Jadual 34 : Bangsa Responden**

BANGSA	KEKERAPAN	PERATUS (%)
Melayu	266	98.9
Cina	1	0.4
India	0	0.0
Lain-lain	2	0.7
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>269</b>	<b>100.0</b>

Rajah 20 : Bangsa Responden




Didapati bahawa majoriti responden sebanyak 24.2% daripada responden iaitu 65 orang telah mendiami rumah KETENGAH di antara 26 hingga 30 tahun, diikuti dengan 20.1% iaitu seramai 54 orang telah mendiami rumah KETENGAH di antara 21 hingga 25 tahun dan seterusnya 18.2% iaitu seramai 49 orang telah mendiami rumah KETENGAH di antara 31 tahun dan ke atas.

Jadual 35 : Tempoh Diami Rumah

TEMPOH DIAMI RUMAH	KEKERAPAN	PERATUS (%)
Kurang daripada 5 tahun	9	3.3
6 – 10 tahun	22	8.2
11 – 15 tahun	18	6.7
16 – 20 tahun	49	18.2
21 – 25 tahun	54	20.1
26 – 30 tahun	65	24.2
31 tahun dan ke atas	52	19.3
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>269</b>	<b>100.0</b>

Rajah 21: Tempoh Diami Rumah




Majoriti 88.7% daripada responden adalah berkahwin, 7.8% adalah berstatus duda/janda dan baki 3.7% pula adalah bujang.

**Jadual 36 : Taraf Perkahwinan**

TARAF PERKAHWINAN	KEKERAPAN	PERATUS (%)
Bujang	10	3.7
Berkahwin	238	88.7
Duda/Janda	21	7.8
Lain-lain	0	0.0
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>269</b>	<b>100.0</b>

**Rajah 22: Taraf Perkahwinan**




Didapati bahawa majoriti responden sebanyak 36.1% mempunyai tahap pendidikan peringkat Sijil Penilaian Malaysia (SPM), diikuti sebanyak 35.3% mempunyai tahap pendidikan peringkat Sekolah Rendah/UPSR dan 16.4% pula mempunyai tahap pendidikan peringkat Penilaian Menengah Rendah (PMR)/PT3.

**Jadual 37 : Tahap Pendidikan**

TAHAP PENDIDIKAN	KEKERAPAN	PERATUS (%)
Sekolah Rendah/UPSR	95	35.3
Penilaian Menengah Rendah (PMR)/PT3	44	16.4
Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)	97	36.1
Tingkatan 6/STPM	19	7.0
Diploma	8	3.0
Ijazah/Master/PHD	6	2.2
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>269</b>	<b>100.0</b>

Rajah 23 : Tahap Pendidikan




Kebanyakan responden adalah bekerja dengan kerajaan iaitu 82 orang (30.5%), diikuti dengan bekerja sendiri iaitu 75 orang (27.9%), tidak bekerja iaitu 68 orang (25.3%) dan bakinya adalah bekerja dengan swasta iaitu 44 orang (16.4%).

Jadual 38 : Pekerjaan

PEKERJAAN	KEKERAPAN	PERATUS (%)
Kerajaan	82	30.5
Swasta	44	16.4
Sendiri	75	27.9
Tidak Bekerja	68	25.3
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>269</b>	<b>100.0</b>

Rajah 24 : Pekerjaan




Majoriti responden iaitu sebanyak 30.11% (81 orang) mempunyai pendapatan di antara RM1,001.00 hingga RM2,000.00, diikuti dengan 20.07% (54 orang) mempunyai pendapatan di antara RM2,001.00 hingga RM3,000.00 dan 19.33% (52 orang) mempunyai pendapatan di antara RM501.00 hingga RM1,000.00.

**Jadual 39 : Pendapatan Bulanan**

PENDAPATAN BULANAN	KEKERAPAN	PERATUS (%)
Kurang daripada RM500.00	52	19.3
Antara RM501.00 – RM1,000.00	52	19.3
Antara RM1,501.00 – RM2,000.00	81	30.1
Antara RM2,001.00 – RM3,000.00	54	20.1
Antara RM3,001.00 – RM4,000.00	19	7.1
Antara RM4,001.00 – RM5,000.00	5	1.9
Antara RM5,001.00 – RM6,000.00	4	1.5
Antara RM6,001.00 – RM7,000.00	0	0.0
RM7,001.00 dan ke atas	2	0.7
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>269</b>	<b>100.0</b>

**Rajah 25: Pendapatan Bulanan**




Majoriti bilangan Isi Rumah termasuk Ketua Isi Rumah (KIR) yang mendiami dalam sebuah rumah KETENGAH adalah seramai 5 orang iaitu 19.7% (53 orang), diikuti dengan seramai seramai 6 orang iaitu 19.3% (52 orang) dan seramai 7 orang iaitu 16.7% (45 orang).

Jadual 40 : Bilangan Isi Rumah Termasuk Ketua Isi Rumah

BILANGAN ISI RUMAH TERMASUK KETUA ISI RUMAH	KEKERAPAN	PERATUS (%)
1 Orang	3	1.1
2 Orang	24	8.9
3 Orang	26	9.7
4 Orang	32	11.9
5 Orang	53	19.7
6 Orang	52	19.3
7 Orang	45	16.7
8 Orang	14	5.2
9 Orang	9	3.3
10 Orang	11	4.1
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>269</b>	<b>100.0</b>

Rajah 26 : Bilangan Isi Rumah Termasuk Ketua Isi Rumah




## KEMUDAHAN TANDAS DI RUMAH

Jadual 41 : Bilangan Tandas dan Bilik Air

JENIS	BILANGAN		
	1 UNIT	2 UNIT	3 UNIT
Tandas sahaja	155	44	3
Bilik Air sahaja	137	13	2
Tandas dan Bilik Air	85	37	8
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>377</b>	<b>94</b>	<b>13</b>

Rajah 27: Bilangan Tandas dan Bilik Air




Majoriti rumah-rumah yang terlibat dalam kajian ini mempunyai 1 unit tandas sahaja, 1 unit bilik air sahaja dan 1 unit tandas dan bilik air.

Jadual 42 : Ubahsuai Tandas Sedia Ada

UBAHSUAI	KEKERAPAN	PERATUS (%)
Ya	164	61.0
Tidak	105	39.0
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>269</b>	<b>100.0</b>

Didapati bahawa sebanyak 61% daripada jumlah keseluruhan responden. Responden menyatakan telah membuat pengubahsuaian tandas sedia ada di rumah mereka.

Rajah 28 : Ubahsuai Tandas Sedia Ada



Jadual 43 : Tempoh Pengubahsuaian Tandas Telah Dibuat

UBAHSUAI	KEKERAPAN	PERATUS (%)
Kurang daripada 5 tahun	58	21.6
6 - 10 tahun	55	20.4
11 - 15 tahun	28	10.4
16 - 20 tahun	18	6.7
21 dan ke atas	5	1.9
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>164</b>	<b>100.0</b>


Daripada 164 buah rumah yang telah dibuat pengubahsuaian tandas, majoriti tempoh pengubahsuaian telahpun dibuat kurang daripada 5 tahun iaitu dengan sebanyak 58 kekerapan (21.6%).

Jadual 44 : Kekerapan Penggunaan Tandas dalam Sehari

UBAHSUAI	KEKERAPAN	PERATUS (%)
Kurang daripada 5 kali	8	3.0
5 - 10 kali	41	15.2
11 - 15 kali	42	15.6
16 - 20 kali	45	16.7
21 - 25 kali	55	20.5
26 - 30 kali	25	9.3
31 dan ke atas	53	19.7
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>269</b>	<b>100.0</b>

Jumlah kekekerapan penggunaan tandas dalam sehari bagi setiap rumah KETENGAH adalah 21 – 25 kali iaitu 55 kekerapan (20.5%).

**Rajah 29 : Kekerapan Penggunaan Tandas dalam Sehari**



**Jadual 45 : Kekerapan Hadapi Masalah Tandas Dalam Setahun**

UBAHSUAI	KEKERAPAN	PERATUS (%)
0 kali	173	65.8
1 hingga 2 kali	73	27.1
3 hingga 4 kali	11	4.1
5 kali dan ke atas	8	3.0
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>269</b>	<b>100.0</b>

Secara keseluruhannya, kekerapan masalah tandas di rumah KETENGAH adalah 0 kali iaitu 65.8%, diikuti dengan kekerapan 1 hingga 2 kali iaitu 27.1%, kekerapan 3 hingga 4 kali iaitu 4.1% dan seterusnya kekerapan 5 kali dan ke atas iaitu 3.0%.

## MASALAH DAN KEROSAKAN RANGKAIAN SUWA

Sebanyak 115 orang responden (42.8%) daripada jumlah keseluruhan responden menyatakan bahawa mereka pernah mengalami masalah rangkaian suwa.

**Jadual 46 : Masalah Dan Kerosakan**

HADAPI MASALAH	KEKERAPAN	PERATUS (%)
Ya	115	42.8
Tidak	154	57.2
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>269</b>	<b>100.0</b>

Jenis masalah rangkaian suwa yang sering dihadapi adalah melibatkan sebanyak :


- i. Masalah rangkaian suwa tersumbat - 41 aduan (15.8%)
- ii. Masalah mainhole - 36 aduan (13.4%)
- iii. Masalah inspection chamber - 22 aduan (8.2%)
- iv. Masalah Tandas Rumah - 16 aduan (5.9%)

Berikut adalah kekerapan masalah rangkaian suwa yang dialami dalam setahun :

**Jadual 47: Jenis Masalah / Kerosakan**

BIL.	JENIS MASALAH / KEROSAKAN	KEKERAPAN MASALAH						
		1	2	3	4	5	6	7
i.	Tandas rumah	28	19	11	3	0	0	0
ii.	<i>Inspection Chamber</i>	30	13	11	1	2	1	0
iii.	<i>Mainhole</i>	45	13	5	2	1	1	0
iv.	Rangkaian Suwa	38	13	19	3	2	0	3
v.	Kolam Oksidasi	31	1	3	2	0	1	0
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>172</b>	<b>59</b>	<b>49</b>	<b>11</b>	<b>5</b>	<b>3</b>	<b>3</b>

**Rajah 30 : Jenis Masalah / Kerosakan**



Didapati secara keseluruhannya, kekerapan masalah kerosakan Sistem Rangkaian Suwa berlaku dalam setahun adalah sebanyak satu (1) kali bagi kesemua jenis kerosakan Sistem Rangkaian Suwa.

Hasil kajian mendapati majoriti daripada jumlah keseluruhan responden iaitu seramai 78 orang (67.9%) menyatakan bahawa mereka pernah membuat aduan kerosakan rangkaian suwa.

**Jadual 48: Membuat Aduan**

BUAT ADUAN	KEKERAPAN	PERATUS (%)
Ya	78	67.9
Tidak	37	32.1
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>115</b>	<b>100.0</b>

Daripada jumlah 78 orang responden yang pernah membuat aduan kerosakan rangkaian suwa mendapati bahawa seramai 56 orang daripadanya (71.8%) tidak membuat pembaikan dan penyelenggaraan sendiri.

**Jadual 49: Selesai Masalah**


SELESAI MASALAH	KEKERAPAN	PERATUS (%)
Ya	22	28.2
Tidak	56	71.8
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>78</b>	<b>100.0</b>

Majoriti daripada responden menyatakan bahawa mereka membuat penyaluran bagi aduan masalah kerosakan Sistem Rangkaian Suwa yang berlaku dalam Perbandaran KETENGAH dilaporkan kepada pihak KETENGAH iaitu 93.59% (73 orang).

**Jadual 50: Penyaluran Masalah Kerosakan**

PIHAK TERLIBAT	BILANGAN RESPONDEN (ORANG)	PERATUS (%)
KETENGAH	73	93.59
Pihak Berkuasa Tempatan	2	2.56
Lain-lain	3	3.85
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>78</b>	<b>100.00</b>

**Rajah 31: Penyaluran Masalah Kerosakan**



- 1.1.1 Secara keseluruhannya, responden menyatakan bahawa tempoh masalah kerosakan rangkaian suwa dapat diselesaikan dalam 2 hingga 3 bulan iaitu 36.5%, diikuti dengan tempoh penyelesaian kurang daripada 1 bulan iaitu 35.7%, seterusnya diikuti dengan tempoh penyelesaian di antara 4 hingga 5 bulan dan tempoh penyelesaian 5 bulan dan ke atas iaitu masing-masing 13.9%.

**Jadual 51: Tempoh Penyelesaian**

TEMPOH	KEKERAPAN	PERATUS (%)
Kurang daripada 1 bulan	41	35.7
2 hingga 3 bulan	42	36.5
4 hingga 5 bulan	16	13.9
5 bulan dan ke atas	16	13.9
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>115</b>	<b>100.0</b>


## TAHAP KEPUASAN PENGGUNA

Tahap kepuasan pengguna terhadap Projek Sistem Rangkaian Suwa yang dilaksanakan oleh KETENGAH boleh dikatakan secara keseluruhannya adalah berada di tahap Puas Hati iaitu 64.17% bagi kelima-lima aspek yang dikaji iaitu sebagaimana **Jadual 52** yang berikut :

**Jadual 52 : Tahap Kepuasan Pengguna**

BIL.	PERKARA	TAHAP KEPUASAN PENGGUNA				
		SANGAT TIDAK PUAS HATI	TIDAK PUAS HATI	NEUTRAL	PUAS HATI	SANGAT PUAS HATI
1.	Tempoh diselesaikan	3	12	32	199	23
2.	Teknik penyelesaian	4	7	41	188	29
3.	Tempoh penyelenggaraan	3	12	84	161	9
4.	Penyelesaian masalah	5	13	99	147	5
5.	Selepas Penyelenggaraan	5	8	76	168	12
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>20</b>	<b>52</b>	<b>332</b>	<b>863</b>	<b>78</b>
<b>JUMLAH PERATUS (%)</b>		<b>1.49</b>	<b>3.89</b>	<b>24.68</b>	<b>64.17</b>	<b>5.80</b>

**Rajah 32: Tahap Kepuasan Pengguna**




Pengulangan masalah Sistem Rangkaian Suwa yang sama

**Jadual 53: Permasalahan Berulang**

MASALAH SAMA BERULANG	KEKERAPAN	PERATUS (%)
Ya	76	28.3
Tidak	193	71.7
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>269</b>	<b>100.00</b>

Setelah penyelenggaraan Sistem Rangkaian Suwa dilaksanakan, didapati bahawa masalah sistem rangkaian suwa tidak berlaku lagi iaitu 71.7% manakala baki sebanyak 28.3% menyatakan berlakunya pengulangan masalah Sistem Suwa yang sama.

**Rajah 33 : Permasalahan Berulang**




Masalah aduan melibatkan :

**Jadual 54 : Masalah Aduan Yang Dibuat**

TEMPOH	KEKERAPAN	PERATUS (%)
Masalah sama di tempat yang sama	47	61.8
Masalah sama di tempat berbeza	20	26.3
Masalah lain di tempat berbeza	5	6.6
Lain-lain	4	5.3
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>76</b>	<b>100.0</b>

Berdasarkan kepada hasil kajian yang dilaksanakan mendapati bahawa daripada jumlah keseluruhan responden yang menyatakan berlakunya masalah pengulangan Sistem Rangkaian Suwa di Perbandaran KETENGAH menunjukkan masalah Sistem Rangkaian Suwa yang berlaku di tempat yang sama adalah 61.8%, masalah Sistem Rangkaian Suwa yang berlaku di tempat yang berbeza adalah 26.3%, masalah Sistem Rangkaian Suwa yang lain berlaku di tempat yang sama adalah 6.5%, dan bakinya adalah lain-lain masalah Sistem Rangkaian Suwa sebanyak 5.2%.

Rajah 34 : Masalah Aduan Yang Dibuat




### IMPAK PENGGUNA

Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati bahawa penyelenggaraan Sistem Rangkaian Suwa di Perbandaran KETENGAH memberi kesan yang positif. Majoriti responden menyatakan tahap kepuasan mereka terhadap penyelenggaraan Sistem Rangkaian Suwa yang dilaksanakan oleh KETENGAH adalah di tahap Puas Hati iaitu 61.78%.

Jadual 55 : Kesan dan Manfaat Penyelenggaraan

BIL.	PERKARA	TAHAP KEPUASAN PENGGUNA				
		SANGAT TIDAK PUAS HATI	TIDAK PUAS HATI	NEUTRAL	PUAS HATI	SANGAT PUAS HATI
i.	Alam Sekitar	2	2	3	180	82
ii.	Kualiti Hidup/Kesihatan	2	1	16	175	75
iii.	Pengurusan Sistem Rangkaian Suwa yang lebih baik	0	0	84	170	15
iv.	Sikap Pengguna Berubah	1	0	94	159	15
v.	Kesan kepada Pengguna	3	7	71	147	41
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>8</b>	<b>10</b>	<b>268</b>	<b>831</b>	<b>228</b>
<b>JUMLAH PERATUS (%)</b>		<b>0.59</b>	<b>0.74</b>	<b>19.93</b>	<b>61.78</b>	<b>16.95</b>

Rajah 35 : Kesan dan Manfaat Penyelenggaraan




## CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

Berdasarkan kepada kajian yang dilaksanakan, majoriti responden memberi cadangan penambahbaikan yang boleh dilaksanakan bagi Projek Sistem Rangkaian Suwa adalah membuat penyelenggaraan secara berkala sebanyak 39.0%, diikuti cadangan penambahbaikan kaedah penggunaan Sistem Rangkaian Sistem Rangkaian Suwa sebanyak 24.2%, cadangan penambahbaikan Sistem Rangkaian Sistem Suwa sebanyak 20.4% dan bakinya pula adalah peningkatan tahap pendidikan pengguna terhadap penggunaan Sistem Rangkaian Suwa sebanyak 16.4%.

**Jadual 56 : Cadangan Penambahbaikan**

TEMPOH	KEKERAPAN	PERATUS (%)
Penambahbaikan Sistem Rangkaian Suwa	55	20.4
Penyelenggaraan secara berkala	105	39.0
Kaedah penggunaan Sistem Rangkaian Suwa	65	24.2
Peningkatan tahap pendidikan pengguna terhadap penggunaan Sistem Rangkaian Suwa	44	16.4
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>269</b>	<b>100.0</b>

**Rajah 36 : Cadangan Penambahbaikan**



### Cadangan Penambahbaikan

## PEMERHATIAN DAN KEPUTUSAN

Berdasarkan kepada analisa yang telah dibuat, beberapa pemerhatian dan keputusan yang diperolehi adalah sebagaimana berikut :

Tahap pendidikan tertinggi bagi majoriti responden di Perbandaran KETENGAH adalah di Peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sahaja iaitu seramai 236 orang (87.7%).

Didapati bahawa secara keseluruhannya, majoriti responden adalah berpendapatan kurang daripada RM3,000.00 iaitu seramai 239 orang (88.84%).

Penemuan kajian mendapati bahawa secara keseluruhannya, setiap rumah dan premis perniagaan yang didiami sekurang-kurangnya oleh seramai 5 hingga 7 orang.

Majoriti responden menyatakan bahawa mereka tidak mempunyai masalah kerosakan tandas di rumah dan premis perniagaan mereka iaitu kekerapan masalah kerosakan tandas di rumah KETENGAH adalah 0 kali iaitu 65.8%. Keadaan ini mungkin disebabkan majoriti responden telahpun membuat pengubahsuaian tandas mereka dalam tempoh kurang daripada 5 tahun iaitu dengan sebanyak 58 kekerapan (21.6%).

Kajian mendapati bahawa secara keseluruhannya, kekerapan masalah kerosakan Sistem Rangkaian Suwa berlaku dalam setahun adalah sebanyak satu (1) kali bagi kesemua jenis kerosakan Sistem Rangkaian Suwa.

Berdasarkan kepada penemuan kajian mendapati bahawa kedua-dua Objektif bagi Kajian Projek Pelaksanaan Sistem Rangkaian Suwa di Perbandaran KETENGAH dapat dibuktikan sebagaimana berikut :

- i. Menilai Tahap Keberkesanan Pelaksanaan Penyelenggaraan Sistem Rangkaian Suwa di Perbandaran KETENGAH.

Pembuktian :

- a. Majoriti responden iaitu 71.8% (56 orang) daripada jumlah 78 orang responden yang pernah membuat aduan kerosakan rangkaian suwa menyatakan tidak membuat pembaikan dan penyelenggaraan Sistem Rangkaian Suwa sendiri. Ini menunjukkan bahawa kebergantungan penyewa/pemilik rumah dan premis perniagaan KETENGAH terhadap KETENGAH bagi membuat kerja-kerja penyelenggaraan Sistem Rangkaian Suwa di Perbandaran KETENGAH adalah tinggi.
- b. Majoriti responden menyatakan bahawa mereka membuat penyaluran bagi aduan masalah kerosakan rangkaian suwa yang berlaku di Perbandaran KETENGAH dilaporkan kepada pihak KETENGAH iaitu 93.59% (73 orang).

- ii. Menilai Tahap Persepsi Pengguna Terhadap Sistem Rangkaian Suwa di Perbandaran KETENGAH

Pembuktian :

- a. Secara keseluruhannya tahap kepuasan pengguna terhadap Projek Penyelenggaraan Sistem Rangkaian Suwa yang dilaksanakan oleh KETENGAH boleh dikatakan adalah berada di tahap Puas Hati dan Sangat Puas Hati iaitu 69.96% bagi kelima-lima aspek yang dikaji iaitu:
  1. Tempoh penyelesaian masalah
  2. Keadah/teknik penyelesaian
  3. Tempoh penyelenggaraan
  4. Penyelesaian masalah
  5. Selepas penyelenggaraan
- b. Kesan dan manfaat penyelenggaraan Sistem Rangkaian Suwa di Perbandaran KETENGAH memberi kesan yang positif. Majoriti responden menyatakan tahap kepuasan mereka terhadap kesan dan manfaat penyelenggaraan Sistem Rangkaian Suwa yang dilaksanakan oleh KETENGAH adalah di tahap Puas Hati Sangat Puas Hati iaitu 78.73% bagi kelima-lima kesan yang dikaji iaitu :
  1. Alam sekitar
  2. Kualiti hidup/kesihatan
  3. Pengurusan Sistem Rangkaian Suwa yang lebih baik
  4. Sikap pengguna berubah
  5. Kesan kepada pengguna

Berdasarkan kepada rekod yang disimpan di Bahagian Perumahan mendapati bahawa pelaksanaan Penyelenggaraan Sistem Rangkaian Suwa di Perbandaran KETENGAH pada tahun 2015 telah memberi manfaat kepada 3,230 orang penduduk yang mendiami rumah KETENGAH iaitu melibatkan sebanyak 646 buah rumah (11.2% daripada keseluruhan rumah dan premis perniagaan KETENGAH).

Kebanyakan responden di Perbandaran KETENGAH adalah berumur 41 tahun dan ke atas iaitu seramai 222 orang (82.53%) dan majoritinya telah mendiami rumah dan premis perniagaan KETENGAH lebih daripada 21 tahun dan ke atas iaitu seramai 171 orang (63.57%). Ini menunjukkan mereka adalah merupakan penduduk asal dan Generasi Pertama di Perbandaran KETENGAH.

### **CADANGAN PENAMBAHBAIKAN**

Berdasarkan kepada penemuan kajian ini mendapati bahawa penambahbaikan terhadap projek yang dilaksanakan ini adalah :

Kerja-kerja penyelenggaraan Sistem Rangkaian Suwa yang dilaksanakan pada masa kini adalah untuk mengatasi masalah bagi tempoh sementara waktu sahaja disebabkan beberapa perkara tersebut :

- i. Paip suwa yang digunakan adalah bersaiz kecil.
- ii. Laluan Sistem Rangkaian Suwa adalah berada dalam lot rumah dan premis perniagaan dan sukar dibuat penyelenggaraan bagi rumah dan premis perniagaan yang telah dibuat pengubahsuaian.
- iii. Tanah memasuki saluran '*mainhole*' akibat berlakunya hakisan tanah terutamanya semasa hujan.
- iv. Sekiranya berlaku hujan lebat akan menyebabkan 'Mainhole' tidak dapat menampung sisa kumbahan yang terdapat di dalamnya. Ini menyebabkan berlakunya limpahan keluar sisa kumbahan daripada 'Mainhole'.

Dicadangkan supaya kerja-kerja menaiktaraf Sistem Rangkaian Suwa di Perbandaran KETENGAH mengikut standard Indah Water Konsortium (IWK) perlu dibuat secara berperingkat. Ini adalah disebabkan kerja-kerja menaiktaraf Sistem Rangkaian Suwa di Perbandaran KETENGAH sepanjang 77.6 kilometer memerlukan peruntukan yang tinggi.

### **RUMUSAN**

Secara keseluruhannya, majoriti responden menyatakan bahawa Projek Sistem Rangkaian Suwa yang dilaksanakan oleh KETENGAH memberi manfaat dan kesan yang positif terhadap alam sekitar, tahap kesihatan dan kehidupan penduduk setempat khususnya penduduk luar bandar.

Kebergantungan mereka terhadap KETENGAH untuk kerja-kerja penyelenggaraan Sistem Rangkaian Suwa ke atas rumah dan premis perniagaan mereka amatlah tinggi.

Bagi tahun 2015, KETENGAH telah melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan Sistem Rangkaian Suwa di Perbandaran KETENGAH sejauh 13.89 kilometer iaitu 198.43% daripada sasaran KPI KETENGAH 2015.



Aktiviti Sukan Air Di Tasik Kenyir



# SYARIKAT-SYARIKAT ANAK KETENGAH

## SYARIKAT-SYARIKAT ANAK KETENGAH

Ketengah Holding Sdn Bhd (KHSB) telah ditubuhkan pada 9 Julai 2003 dengan pegangan saham 100% oleh Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH). Modal dibenarkan adalah berjumlah RM 100,000,000.00 dan modal berbayar adalah sebanyak RM 37,289,625.00

Tujuan penubuhan dan penglibatan KHSB dan syarikat-syarikat anak dalam pelbagai sektor meliputi perladangan, perkilangan, kuari, perniagaan & perkhidmatan, hartanah dan pendidikan adalah merupakan perintis dan pemangkin utama ke arah pembangunan ekonomi dalam Wilayah KETENGAH.

Kedudukan Syarikat-syarikat Anak KETENGAH bagi tahun 2016 adalah sebagaimana **Jadual 57** di bawah :-

**Jadual 57 : Kedudukan Syarikat-syarikat Anak KETENGAH Bagi Tahun 2016**

SYARIKAT	TAHUN TUBUH	MODAL DI BENAR (RM'000)	MODAL BERBAYAR (RM'000)
Ketengah Perwira Sdn Bhd	1976	30,000	28,500
Kuari Pondok Limau Sdn Bhd	1980	5,000	2,800
Nikaniaga Travel & Tours Sdn Bhd	1981	5,000	2,600
Kolej Ketengah Sdn Bhd	2001	5,000	1,000
Kuari Terengganu Tengah Sdn Bhd	1976	2,000	1,000
Surada Jaya Sdn Bhd	1993	1,000	500
Ketengah Properties Sdn Bhd	1985	1,000	450
<b>JUMLAH</b>		<b>49,000</b>	<b>36,850</b>



*Petang Island Resort, Pulau Petang, Tasik Kenyir*



*Kenyir Water Park, Tasik Kenyir*



*Kenyir Elephant Conservation Village (KECV), Tasik Kenyir*



**ANUGERAH**



**Kementerian Kemajuan  
Luar Bandar dan Wilayah**

**ANUGERAH KECEMERLANGAN  
PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)  
HRMIS TAHUN 2016**



Kepada

**LEMBAGA KEMAJUAN  
TERENGGANU TENGAH  
(KETENGAH)**


Atas Pencapaian Cemerlang

**100.00%**

**KPI HRMIS Tahun 2016**

**DATUK BORHAN BIN DOLAH**  
Ketua Setiausaha

Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah





# Sijil Penghargaan

KETENGAH

Kerana Menyertai

# KEKK

Karnival & Ekspo  
Kemahiran Kebangsaan **2016**

Yang Telah Diadakan Pada

24-26  
SEPT  
2016 Tapak  
MAEPS  
Serdang,  
Selangor

THE  
MALAYSIA  
BOOK  
of RECORDS

*MOST NUMBER OF HAIRDRESSERS IN A HAIR CUTTING EVENT*

DATUK DR. PING CHAU LEONG  
KETUA PANGRAH  
Jabatan Pembangunan Kemahiran

Dengan Kerjasama:





# Sijil Penghargaan

*Dengan Sukacitanya  
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia  
Merakamkan Setinggi-tinggi Penghargaan  
Kepada*

## **LEMBAGA KEMAJUAN TERENGGANU TENGAH (KETENGAH)**

*Kerana Telah Melaksanakan  
Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Pada Tahun 2016  
Dengan Jayanya*



  
**DATO' SRI ZAINAL RAHIM BIN SEMAN**  
*Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Malaysia*



**ICQCC 2016 - Bangkok**  
T H A I L A N D

**Certificate of Presentation**


This is to certify that

**BAZAR**  
Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah  
**MALAYSIA**

has successfully delivered presentation  
at the

**INTERNATIONAL CONVENTION ON QUALITY CONTROL CIRCLE 2016**  
**23 – 25 August 2016**

and received the



**AWARD**

*Arhit Wuthikaro*

Mr. Arhit Wuthikaro  
Chairman

The Association of QC Headquarters of Thailand




No. Siri: Pengiktirafan-11



## **SIJIL PENGHARGAAN**

Tahniah di atas pengiktirafan yang telah  
diterima oleh **LEMBAGA KEMAJUAN  
TERENGGANU TENGAH (KETENGAH)**  
pada tahun 2016

- 1) Anugerah Khas Badan Berkanun Berinovatif Negeri Terengganu 2015 (Kategori : Persekutuan)
- 2) Sijil Bersih Penyata Kewangan Tahun 2016
- 3) Anugerah EMAS dalam *International Convention On Control Circle (ICQCC 2016)* di Bangkok, Thailand – Kumpulan BAZAR

  
DATO' MOHD ARIF BIN AB RAHMAN  
Ketua Setiausaha

Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah







# DIARI KORPORAT


## Januari 2016

Majlis Jasamu  
Dikenang YBhg.  
Dato' Haji Wan Mat  
Amin bin Wan Daud  
yang telah diadakan  
pada 11 Januari  
2016



Taklimat *Good and Services Tax (GST)* yang diadakan pada 26 Januari 2016 di RTC Terengganu melibatkan Kumpulan Pengurusan KETENGAH

Lawatan Setiausaha Bahagian Tanah dan Wilayah KKLW ke Program Pemajuan Kawasan (PPK) Air Putih dan Al-Muktafi Billah Shah (AMBS) pada 28 Januari 2016



Program Turun Padang Pengurus Besar KETENGAH ke Kampung Pasir Raja, Dungun, Terengganu pada 29 Januari 2016

## Februari 2016

Lawatan Pelabur  
China-Muslim ke  
Tasik Kenyir pada  
9 Februari 2016



Lawatan UniSZA  
ke Kampung Pasir  
Raja, Dungun  
dan Seri Bandi,  
Kemaman pada 18  
Februari 2016

Pertandingan  
Futsal sempena  
Program Riang Ria  
Kelab Keluarga  
KETENGAH pada  
27 Februari 2016



Bengkel Pengurusan  
Mesyuarat Berkualiti  
kepada kakitangan  
KETENGAH yang  
telah diadakan pada  
28 Februari 2016 di  
Kelab Golf Bukit Besi,  
Dungun, Terengganu

## Mac 2016

Program iM4U bersama komuniti Al-Muktafi Bilah Shah di RTC Terengganu pada 7 Mac 2016



Program Tafaqquh Fiddin pada 5 Mac 2016 di Masjid Sultan Mahmud, Bandar Al Muktafi Billah Shah, Dungun

Kursus Etiket dan Protokol yang diadakan pada 8 – 10 Mac 2016 di Felda Residence Hotel, Kuala Terengganu



Majlis Penyerahan Tangki Air Life Saver H2O Parlimen Dungun yang telah diadakan pada 6 Mac 2016 di Kampung Dendang, Dungun

April 2016

Majlis Makan Malam dan Perjumpaan YB. Menteri KKLW Bersama Pegawai dan Kakitangan KETENGAH pada 8 April 2017 di Balai Orang Ramai (BALORA), Bandar Al-Muktafi Billah Shah, Dungun



Parasmian Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) IMTIAZ YT KETENGAH oleh YAB. Menteri Besar Terengganu pada 9 April 2016

Lawatan Pelabur Hainan China ke Tasik Kenyir pada 17 April 2016



Perasmian RTC Terengganu yang disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri Malaysia pada 23 April 2016

## Mei 2016

Karnival Kesihatan Bandar Al Muktafi Billah Shah yang telah diadakan di RTC Terengganu pada 5 Mei 2016



Lawatan Audit Kementerian Kewangan (MOF) ke Kampung Tor Dor, Hulu Terengganu pada 12 Mei 2016



Program 'Jom Gotong-royong' yang telah diadakan pada 20 Mei 2016 di Kampung Kuala Jengai, Dungun



YB DUN Ajil turun padang bagi Program Menuai Jagung yang telah diadakan di Kampung Tok Dor, Hulu Terengganu pada 29 Mei 2016



## Jun 2016

Majlis Penyerahan Sumbangan Tabung Amanah Masyarakat KETENGAH (TAMK) yang disempurnakan oleh YB. Tuan Haji Wan Abdul Hakim bin Tan Sri Hj. Wan Mukhtar, ADUN Kawasan Air Putih pada 15 Jun 2016



Mesyuarat Jemaah Lembaga KETENGAH yang telah diadakan pada 19 Jun 2016

Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi 3K Berhad Kali ke-34/2016 yang diadakan pada 30 Jun 2016 di Balai Orang Ramai (BALORA) Bandar Al Muktafi Billah Shah



Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Yang Di-Pertuan Muda Terengganu ke Bandar Al-Muktafi Billah Shah pada 14 Jun 2016

## Julai 2016

Penyampaian  
Sumbangan  
Kepada Pesakit  
Melarat di Rumah  
Ehsan Dungun oleh  
Pengurus Besar  
KETENGAH pada 3  
Julai



Majlis Sambutan  
Hari Raya Aidilfitri  
di Kediaman Rasmi  
Pengurus Besar  
KETENGAH pada 6  
Julai 2016

Lawatan Timbalan  
Ketua Menteri  
Sarawak ke Tasik  
Kenyir pada 25 Julai  
2016



Majlis Graduasi  
Kursus Bahasa  
Inggeris 1Malaysia  
(BI1M) pada 30  
Julai 2016 di RTC  
Terengganu

## Ogos 2016

Taklimat Sistem  
Kewangan kepada  
kakitangan KETENGAH  
yang diadakan pada 2  
Ogos 2016



Kursus Tata Sajian  
dan Pembuatan  
Pelbagai Nasi, Lauk  
Pauk dan Kuih Muih  
Wilayah KETENGAH  
pada 13 Ogos 2016

Program Moh Ngeteh  
Wilayah KETENGAH  
di RTC Terengganu  
pada 29 Ogos 2016



KETENGAH  
menyertai  
perbarisan sempena  
Sambutan Hari  
Kemerdekaan yang  
Ke-59 pada 31  
Ogos 2016

## September 2016

Majlis Apresiasi dan  
Penyampaian Sijil  
Penyertaan ICQCC  
2016 Bangkok  
Thailand pada 6  
September 2016



Lawatan YB. Datuk  
Ahmad Jazlan bin  
Yaakub, Timbalan  
Menteri KKLW ke  
Bandar Bukit Besi  
pada 8 September  
2016

Kursus Kemahiran  
Gunting Rambut  
Lelaki yang diadakan  
di INFRA Bangi pada  
9 September 2016



Majlis Qurban dan  
Aqiqah Wilayah  
KETENGAH pada  
12 September 2016  
di Masjid Sultan  
Mahmud Al Muktafi  
Billah Shah

## Oktober 2016

Program Sambutan  
Hari Sukan Negara  
yang telah diadakan  
pada 8 Oktober 2016 di  
Komplek Sukan AMBS,  
Dungun



Lawatan Setiausaha  
Bahagian  
Kesejahteraan  
Rakyat KKLW ke  
Tasik Kenyir pada  
20 – 21 Oktober  
2016

Program Memasak  
Bubur Asyura pada  
27 Oktober 2016 di  
Kampung Dadong,  
Kemaman



Lawatan YB Menteri  
Belia dan Sukan  
YB Briged General  
Khairy Jamaluddin  
ke Tasik Kenyir pada  
28 – 30 Oktober  
2016

## November 2016

Kejohanan Sukan  
Anak Syarikat  
KETENGAH di  
Komplek Sukan  
Bandar Al-Muktafi  
Bilal Shah pada 5  
November 2016



Kursus Ketrampilan  
Berucap kepada  
Kumpulan  
Pengurusan  
dan Profesional  
KETENGAH pada  
6 November 2016  
di Kelab Golf Bukit  
Besi

Kursus Komunikasi  
Berkesan di Ibu  
Pejabat KETENGAH  
pada 7 November  
2016



Kursus Kemahiran  
Seri Andaman  
Pengantin Wilayah  
KETENGAH Tahun  
2016 di Kolej  
KETENGAH AI  
Muktafi Billah Shah,  
Dungun

## Disember 2016

Sambutan Hari Inovasi  
KETENGAH Tahun  
2016 yang diadakan  
di Balai Orang Ramai  
(BALORA) Bandar Al  
Muktafi Billah Shah,  
Dungun



Kem Anak Soleh  
Kelab 3K yang  
telah diadakan di  
Balai Orang Ramai  
(BALORA) Bandar  
Al Muktafi Billah  
Shah, Dungun pada  
6 Disember 2016

Kursus Seni Jahitan  
Manik yang diadakan  
pada 17 Disember  
2016 di Mini RTC Seri  
Bandi, Kemaman



Program Sambutan  
Maulidur Rasul  
Wilayah KETENGAH  
1438H/2016M di  
Balai Orang Ramai  
Bandar Al-Muktafi  
Bilah Shah pada 26  
Disember 2016



RTC Terengganu, Bandar Al-Muktafi Billah Shah



**RTC**  
TERENGGANU

RTCT  
NEKA BERSEKUTU SAMA MELAKTIVKA

RTCT  
NEKA BERSEKUTU SAMA MELAKTIVKA

KEDAI COOP! Malaysia

**SOROTAN MEDIA**

6



**MEMBANDARKAN LUAR BANDAR**



**MENTERI** Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob bersama para pegawai pejabat melawat penduduk kampung yang terlibat dalam Projek Ekomusik Desa Lestari KETENGAH.

**PROGRAM** sosial dan kerohanian sebagai pengisian pembangunan modal insan.

# Pembangunan modal insan jadi tumpuan KETENGAH



**S**ERBAJAI salah satu agensi pembangunan utama di Terengganu, Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH) tidak hanya menekankan kepada pembangunan fizikal dan sosial semata-mata sebaliknya turut memfokuskan aspek pembangunan modal insan.

Harini ini juga sejajar dengan rancangan Transformasi Luar Bandar dengan tema Membandarkan Luar Bandar yang diarahkan oleh Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Uraian pembangunan modal insan yang melibatkan penyertaan setiap lapisan masyarakat di dilaksanakan melalui pelbagai program pembangunan yang dirancang secara berterusan di wilayah-wilayah pentadbiran KETENGAH.

Sehinggalah di program dan aktiviti telah dijalankan sepanjang RMK-10 dengan memberi manfaat kepada lebih 150,000 penduduk wilayah KETENGAH melibatkan peruntukan sebanyak RM9.417 juta.



**PENGURUS** Besar KETENGAH, Omar Ismail (tengah) bersama-sama para pelajar pada Program Mah Ngehad Sambutan Hari Kebangsaan di KKLW 2016.

Di antara program yang dijalankan adalah Program Pemekanaan Peribadi Muslim, sambutan Hari Kebangsaan dalam seperti Maulidur Rasul, Maul Hajar, Hari Raya, Ikrak Mijrah.

Melalui penglibatan menyeluruh daripada masyarakat, program-program yang dijalankan telah memberikan impak yang positif bukan sahaja dalam meningkatkan kefahaman kepada Islam, malah kadar masalah-masalah sosial juga telah dapat dikurangkan dari semasa ke semasa.

Program Pemekanaan Peribadi dan Komuniti pula dirangka untuk memperhalusi masyarakat yang lebih berkecukupan, berkarya serta, jayagrad dan responsif bagi peningkatan taraf hidup mereka.

Pada masa yang sama menggalakan penanan institusi kemasyarakatan dalam pembangunan sosial. Program-program yang diadakan adalah dalam bentuk kursus, latihan dan insentif kepada penubuhan badan kebajikan NGO bagi memperkukuhkan penanan mereka dalam memajukan masyarakat.

Ragi tempoh Rancangan Malaysia Ke-

RMK-10 sebanyak 44 program dan aktiviti telah dilaksanakan melibatkan seramai hampir 90,000 penduduk di wilayah KETENGAH.

Antara program-program yang dijalankan termasuklah Program Pengukuhan Badan Sosial dan NGO, Program Pemertayaan Kesejahteraan Komuniti Saizuarahan Baitan Kesejahteraan, Peringatan dan Pemertayaan, Baita dan Program Kesejahteraan Sukatan.

Program Kesejahteraan Pendidikan pula berbilang-bilang kecermatan pembangunan modal insan melalui pendekatan formal dan tidak formal. Ini bertujuan memberi pendidikan dan memantapkan kumpulan pelajar luar bandar di wilayah KETENGAH yang menghadapi peperiksaan.

Ragi tempoh RMK-10, KETENGAH telah

melaksanakan sebanyak 40 program pendidikan melibatkan seramai 13,797 pelajar.

KETENGAH turut zsmam perantasi dalam mempolitik infrom-informasi pendidikan di wilayah bagi meningkatkan lagi kecermatan pengajaran melalui MARA Kemahag Internasional College, UTEK Kampus Bukit Besi, MIRM Intinya UT KETENGAH, Kolej KETENGAH dan GIATMARA KETENGAH.

Kemasa ini penting bagi KETENGAH sekari dengan bazar membina Bandar Al Muktab Hilah Shah dan Bukit Besi sebagai hub pendidikan di KETENGAH.

Bagi meningkatkan lagi taraf hidup penduduk, Skem Peubahgiran Kesejahteraan Rakyat (SPKR) dilaksanakan di KETENGAH. Ia mula diwujudkan oleh Kementerian

Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah sejak RMK-9 bagi memajukan agraria membina kemakmuran tegar di sebuah negara di mana program dan projek untuk kumpulan asar dikawal oleh agensi pelaksana sebagai golongan berjaya dibandarkan daripada beleraga kemiskinan.

Ini termasuklah program memfina huraian merubah pulih rumah-rumah bedlamat, bantuan pelaksanaan projek ekonomi, meningkatkan kemahiran golongan belia luar bandar bagi memenuhi keperluan pasaran.

Empat komponen SPKR telah dilaksanakan oleh KETENGAH sepanjang RMK-10 melibatkan peruntukan berjumlah RM24,789,604.

Program Bantuan Rumah membolehkan peruntukan berjumlah RM14,979,152. Ia melibatkan pembinaan rumah baru dengan peruntukan sebanyak RM40,000 dan pulih rumah dengan kos RM11,000.

Seramai 800 orang daripada tiga daerah di Dungun, Kemaman dan Hulu Terengganu menerima bantuan ini.

Bagi Program Pengangkutan Pendudukan juga ia melibatkan bantuan pembelian empat buah kereta Projek Ekonomi Berasaskan Sututur Asas Tani, Projek Ekonomi Berasaskan Pertanian Kecil, Projek Ekonomi Berasaskan Perkhidmatan dan Projek Ekonomi Berasaskan Pertanian dengan bantuan sebanyak RM20,000.

Seramai 138 orang penduduk telah menerima bantuan dengan jumlah peruntukan sebanyak RM1,100,000.

Pembinaan 701 buah wilyayah KETENGAH bagi rana di mana bagi tempoh tahun RM10,178,000 telah di bagi empat komponen iaitu pembinaan asatuaran, pe produk, promosi dan perkhidmatan perantasi asas tani.

Uraian-usaia ini telah piah yang positif di mana jawatan KETENGAH ber pelung bari di luar w cora untuk memperkukukkan tana traling traling.



## JELAJAH TASIK KENYIR

**T**asik Kenyir memuatkan satu destinasi destinasi pelancongan utama di Terengganu dan di Malaysia khususnya. Di Sumatera yang Malaysia, Tasik Kenyir merupakan tasik terbesar dan juga merupakan tasik terbesar di Semenanjung Tanah Melayu yang terbina dengan keluasan 205,199 hektar. Tasik Kenyir juga telah lama dia atarungkan sebagai destinasi pelancongan kerana ia merupakan tasik air tawar yang terbesar di Semenanjung Tanah Melayu. Tasik Kenyir juga merupakan tasik air tawar yang terbesar di Semenanjung Tanah Melayu.



**K**ETENGAH bantu murid miskin UPSR melalui projek 'Beri peluang colan UPSR serasi semesta, tingkat strategi belajar'.

Projek ini bertujuan untuk membantu murid-murid miskin dalam menghadapi peperiksaan UPSR. Projek ini dijalankan oleh KETENGAH dan melibatkan kerjasama dengan pihak-pihak berkepentingan.

### Bazar Collector, bantu pengusaha burung walet

**KUALA LUMPUR 24 Nov.** - Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH) berjaya mencipta sebuah produk inovasi yang mampu membantu pengusaha burung walet mengutip sarang burung dengan cara yang lebih mudah.

Pengurus Besar KETENGAH, Omar Ismail berkata, alat tersebut yang diberi nama Bazar Collector merupakan sebotang kamera yang dilengkapi dengan kamera dan pemecut yang membolehkan pengguna sarang burung walet tanpa perlu menggunakan tangga.

"Jika sebelum ini, pengusaha burung walet terpaksa memanjat tangga untuk mendapatkan sarang walet, tetapi dengan adanya Bazar Collector mereka tidak perlu lagi bersusah-payah berbuat demikian.

"Produk tersebut kini dalam proses untuk dipatenkan sebelum ia dikomersialkan. Jabatan Perkhidmatan Veterinar juga telah memberi sokongan untuk memasarkan produk ini," katanya ketika ditemui pemberita selepas menerima Anugerah Kualiti Kecapaian Tadris Ura, Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam dan Anugerah Khas. Mengulas lanjut, beliau berkata, harga produk tersebut masih belum diputuskan, bagaimanapun harga yang akan ditawarkan tidak adalah berpatutan.

"Produk ini tidak terhad kepada pengusaha burung walet tetapi boleh juga digunakan oleh penggiat untuk melihat keadaan pokok kelapa sawit."

"Selain itu, ia juga boleh digunakan oleh agensi-agensi keselamatan seperti bomba, imigresen dan kastam.

"Sebagai contoh, pihak boleh menggunakan bazar colli for untuk tujuan penyelenggaraan dan sebagainya," ujarnya.



**EMSAH SARI YAAKOB** menyampaikan Anugerah Khas Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah 2016 kepada Pengurus Besar KETENGAH, Omar Ismail (dua dari kanan) sempena sambutan Hari Inovasi Kementerian berseminan di Kuala Lumpur, semalam.

adalah berpatutan.

"Produk ini tidak terhad kepada pengusaha burung walet tetapi boleh juga digunakan oleh penggiat untuk melihat keadaan pokok kelapa sawit."

"Selain itu, ia juga boleh digunakan oleh agensi-agensi keselamatan seperti bomba, imigresen dan kastam.

"Sebagai contoh, pihak boleh menggunakan bazar colli for untuk tujuan penyelenggaraan dan sebagainya," ujarnya.



"**Ber** peluang colan UPSR serasi semesta, tingkat strategi belajar".

Projek ini bertujuan untuk membantu murid-murid miskin dalam menghadapi peperiksaan UPSR. Projek ini dijalankan oleh KETENGAH dan melibatkan kerjasama dengan pihak-pihak berkepentingan.



## KETENGAH bantu murid miskin

**Ber** peluang colan UPSR serasi semesta, tingkat strategi belajar.

Projek ini bertujuan untuk membantu murid-murid miskin dalam menghadapi peperiksaan UPSR. Projek ini dijalankan oleh KETENGAH dan melibatkan kerjasama dengan pihak-pihak berkepentingan.

Projek ini dijalankan oleh KETENGAH dan melibatkan kerjasama dengan pihak-pihak berkepentingan.



**PERASMIAN RTC TERENGGANU DIHIMPUNKAN PERHARIS BERTUKU, DATUK SERI DR AHMAD ZAMBI HANIFFI**



# TPM rasmi RTC Terengganu

**Pusat berkonsep satu hentian tawar pelbagai perkhidmatan untuk kemudahan penduduk**



**Datuk Seri Ahmad Zambi Haniffi**  
Menteri Besar Terengganu

Sejak mula beroperasi pada September 2014 sehingga 31 Mac 2016, jumlah perkhidmatan yang diterima perkhidmatan ini telah mencapai 300,000 orang, iaitu jumlah transaksi jualan RM4.5 juta.

Malah, dengan adanya Pusat Rehat dan Pusat Persekitaran ini, penduduk sekitar dapat menikmati perkhidmatan untuk ke hospital yang agak jauh dan selamat ke sini untuk dapatkan rawatan kecemasan yang terjamin kerana bersempitan di hospital untuk pesakit buah pinggang dan strok.

Pusat RTC Terengganu ini merupakan satu projek yang sangat penting kerana ia merupakan perkhidmatan yang boleh mengurangkan beban pesakit buah pinggang dan strok.

Perkhidmatan RTC Terengganu ini merupakan satu projek yang sangat penting kerana ia merupakan perkhidmatan yang boleh mengurangkan beban pesakit buah pinggang dan strok.



Pusat Hemodialisis turut disediakan di RTC Terengganu.



Pelbagai aktiviti dilaksanakan di RTC Terengganu dengan persembahan penduduk setempat.

### Memudahkan ditawarkan RTC

- Kajian produk perkhidmatan bersejarah nilai tambah untuk perkhidmatan yang berguna pada masa hadapan.
- Menjalankan dan memulakan perkhidmatan / latihan serta program pembangunan kecenderungan serta bidang teknologi maklumat.
- Menjalankan perkhidmatan perkhidmatan dan bantuan kewangan.
- Menjalankan perkhidmatan maklumat dan perkhidmatan.

### Agensi swasta dan usahawan memajukan perkhidmatan dan perkhidmatan di RTC Terengganu

- Kuala Lumpur (Malaysia)
- Pusat Perkhidmatan Maklumat dan Kualiti Mutu (ISIRI)
- Pusat Latihan (MAM)
- Yayasan Pembangunan Usahawan
- Jabatan Perkhidmatan Negara
- MAM (Majlis Amanah Rakyat) (MAMRA)
- Pusat Perkhidmatan RTC Terengganu (Malaysia) (RTM)
- Pusat Perkhidmatan Malaysia dan Pusat Perkhidmatan (Saru-saru) RTC di Malaysia yang mempunyai perkhidmatan ini.

### Antara jabatan / agensi kerajaan memajukan perkhidmatan di RTC Terengganu

- Kuala Lumpur (Malaysia)

Daerah ini mempunyai perkhidmatan ekowisata luar bandar khususnya di negeri ini, dengan menjadi pusat perkhidmatan untuk kemudahan penduduk.

Perkhidmatan RTC Terengganu ini merupakan satu projek yang sangat penting kerana ia merupakan perkhidmatan yang boleh mengurangkan beban pesakit buah pinggang dan strok.

Perkhidmatan RTC Terengganu ini merupakan satu projek yang sangat penting kerana ia merupakan perkhidmatan yang boleh mengurangkan beban pesakit buah pinggang dan strok.

Perkhidmatan RTC Terengganu ini merupakan satu projek yang sangat penting kerana ia merupakan perkhidmatan yang boleh mengurangkan beban pesakit buah pinggang dan strok.



## Bina MRSM di bawah NBOS lebih jimat kos

**Datuk Seri Ahmad Zambi Haniffi**  
Menteri Besar Terengganu

Perkhidmatan RTC Terengganu ini merupakan satu projek yang sangat penting kerana ia merupakan perkhidmatan yang boleh mengurangkan beban pesakit buah pinggang dan strok.

## Jualan keseluruhan RTC RM454j pada 2015

**Datuk Seri Ahmad Zambi Haniffi**  
Menteri Besar Terengganu

Perkhidmatan RTC Terengganu ini merupakan satu projek yang sangat penting kerana ia merupakan perkhidmatan yang boleh mengurangkan beban pesakit buah pinggang dan strok.





*House Boat, Tasik Kenyir*



**PENYATA KEWANGAN**





**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
LEMBAGA KEMAJUAN TERENGGANU TENGAH  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

**Laporan Mengenai Penyata Kewangan**

**Pendapat Berteguran**

Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH) dan Kumpulan telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2016 dan Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 5 hingga 41.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan KETENGAH dan Kumpulan pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah 1973 (Akta 104) kecuali perkara yang dinyatakan di perenggan Asas Kepada Pendapat Berteguran.

**Asas Kepada Pendapat Berteguran**

Merujuk kepada Penyata Pendapatan Komprehensif, KETENGAH melaporkan Pendapatan Perumahan berjumlah RM4,481,861 yang terdiri daripada hasil sewa dan faedah sewa beli pada 31 Disember 2016. Walau bagaimanapun, sejumlah RM2,158,541 merupakan pelarasan yang tidak dapat dikenal pasti atau disahkan di mana berkemungkinan memberi kesan yang material ke atas penyata.

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat berteguran saya.

## **Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain**

Saya adalah bebas daripada KETENGAH dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

## **Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya**

Lembaga Pengarah KETENGAH bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan KETENGAH dan kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

## **Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan**

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan KETENGAH dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah 1973 (Akta 104). Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan KETENGAH dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan KETENGAH dan Kumpulan, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan KETENGAH dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

## **Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan KETENGAH dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan KETENGAH dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman KETENGAH dan Kumpulan.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan KETENGAH atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan KETENGAH dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan KETENGAH dan Kumpulan memberi gambaran yang saksama.
- f. Mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Saya telah berkomunikasi dengan Lembaga Pengarah, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan, termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

### **Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain**

Berdasarkan keperluan Akta Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah 1973 (Akta 104), saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh KETENGAH telah disimpan dengan sempurna kecuali perkara yang dinyatakan di perenggan Asas Kepada Pendapat Berteguran.

### **Hal-hal Lain**

- a. Seperti yang dinyatakan pada Nota 1.3 kepada penyata kewangan, KETENGAH telah menerima pakai piawaian perakaunan *Malaysian Private Entities Reporting Standard* (MPERS) mulai 1 Januari 2016 dengan tarikh peralihan pada 1 Januari 2015. Piawaian ini diterima pakai secara retrospektif oleh Lembaga Pengarah terhadap angka perbandingan dalam penyata kewangan ini, termasuk Penyata Kedudukan Kewangan KETENGAH dan Kumpulan pada 31 Disember 2015 dan 1 Januari 2015, dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2015 dan pendedahan berkaitan. Saya tidak terikat untuk melaporkan angka perbandingan yang dinyatakan semula dan tidak diaudit. Tanggungjawab saya sebagai sebahagian daripada pengauditan penyata kewangan KETENGAH dan Kumpulan bagi tahun berakhir 31 Disember 2016, dalam keadaan ini, termasuk mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian yang baki awal pada 1 Januari 2016 tidak mengandungi salah nyata yang boleh memberi kesan ketara terhadap kedudukan kewangan pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.
- b. Laporan ini dibuat untuk Lembaga Pengarah dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.



**(KHALID KHAN BIN ABDULLAH KHAN)**

b.p. KETUA AUDIT NEGARA

MALAYSIA

PUTRAJAYA

28 OGOS 2017



## PENYATA Pengerusi dan Seorang Ahli Lembaga Pengarah (AKAUN KUMPULAN)

Kami, **HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN** dan **HAJI OMAR BIN ISMAIL**, yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah **LEMBAGA KEMAJUAN TERENGGANU TENGAH** dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan **LEMBAGA KEMAJUAN TERENGGANU TENGAH** pada **31 Disember 2016** dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,



.....  
DATO' SERI HAJI AHMAD RAZIF  
BIN ABD. RAHMAN  
GELARAN: PENERUSI

27 AUG 2017  
TARIKH: .....  
BANDAR ALMUKTAFI BILLAH  
SHAH

Bagi pihak Lembaga,




.....  
HAJI OMAR BIN ISMAIL  
GELARAN: AHLI LEMBAGA

27 AUG 2017  
TARIKH: .....  
BANDAR ALMUKTAFI BILLAH  
SHAH

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG  
BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN  
LEMBAGA KEMAJUAN TERENGGANU TENGAH**

Saya, **HAJI OMAR BIN ISMAIL** No. K.P. 580901-11-5299, pegawai utama yang bertanggungjawab atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan **LEMBAGA KEMAJUAN TERENGGANU TENGAH**, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya )  
diakui oleh penama di atas )  
di **KUALA TERENGGANU** )  
pada haribulan 27 AUG 2017. 2017 )



HAJI OMAR BIN ISMAIL

Di hadapan saya,



PESURUHJAYA SUMPAN

No. 1107 F, Tingkat Bawah,  
Jalan Pejabat,  
20200 Kuala Terengganu,  
Terengganu.

LEMBAGA KEMAJUAN TERENGGANU TENGAH  
(Ditubuhkan di Malaysia Mengikut Akta 104, 1973)

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN  
BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2016

NOTA	KUMPULAN		LEMBAGA		
	2016 RM	2015 RM	2016 RM	2015 RM	
<b>ASET</b>					
Hartanah, Loji dan Peralatan	2	89,422,769	91,622,645	23,512,960	25,648,360
Perbelanjaan Pembangunan	3	99,567,089	107,748,561	99,567,089	107,748,561
Sewabeli Perumahan/Ruang Niaga	4	7,949,837	3,764,223	7,949,837	3,764,223
Aset Cukai		73,042	-	-	-
Hartanah Pelaburan		12,650,010	6,323,399	9,137,169	2,711,414
Pelaburan Tiadak Tersiar Harga		135,638,705	125,128,401	37,289,713	37,289,713
Pelaburan Dalam Syarikat Anak	5	-	-	37,289,713	37,289,713
Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu	6	135,638,705	125,128,401	-	-
Muhibah dari Penyatuan		509,774	582,599	-	-
Penghutang Perniagaan dan Lain-Lain Hutang		-	-	518,828	518,828
Pinjaman Ketengah Holding Sdn Bhd		-	-	518,828	518,828
<b>JUMLAH ASET BUKAN SEMASA</b>		<b>345,811,227</b>	<b>335,169,828</b>	<b>177,975,596</b>	<b>177,681,099</b>
Wang tunai ditangan dan bank	7	23,629,242	30,051,723	13,402,725	11,654,493
Depositi Tetap	7	104,525,817	83,725,115	54,000,000	37,000,000
Kerja Dalam Pelaksanaan	8	136,604,122	100,383,407	136,604,122	100,383,407
Cukai Boleh Dikembalikan	9	2,132,019	3,810,288	1,366,538	1,366,538
Hutang Kepada Syarikat Anak	10	-	-	102,697	23,390
Hutang Kepada Syarikat Bersekutu/Berkaitan	10	15,748,287	5,231,172	-	-
Sekuriti Mudah Cair	11	22,653,875	23,315,807	-	-
Penghutang Perniagaan		5,597,394	5,145,629	-	-
Penghutang Perumahan	12	5,282,615	5,408,665	5,282,615	5,408,665
Penghutang Pelbagai	13	41,092,410	24,253,440	10,415,039	8,185,481
Inventori	14	1,837,855	1,785,836	-	-
<b>JUMLAH ASET SEMASA</b>		<b>359,103,634</b>	<b>283,111,082</b>	<b>221,173,735</b>	<b>164,021,974</b>
<b>JUMLAH ASET</b>		<b>704,914,861</b>	<b>618,280,910</b>	<b>399,149,331</b>	<b>341,703,073</b>
<b>DIBIAYAI OLEH:</b>					
Akaun Amanah	16	94,154,544	73,629,058	94,154,544	73,629,058
Tabung Pusingan Pinjaman	17	1,640,000	1,640,000	1,640,000	1,640,000
Kepentingan Minoriti		82,161,177	80,120,726	-	-
Lebihan/(Kurangan) Terkumpul		297,931,782	273,694,189	90,682,275	82,629,885
<b>JUMLAH EKUITI</b>		<b>475,887,503</b>	<b>429,083,973</b>	<b>186,476,819</b>	<b>157,898,943</b>
<b>LIABILITI</b>					
Pemberian-Pemberian		178,066,451	136,897,097	178,066,451	136,897,097
Kerajaan Persekutuan	15	169,868,503	128,160,878	169,868,503	128,160,878
Sumber Lain (Kerajaan Negeri)		3,859,273	4,373,630	3,859,273	4,373,630
Agensi Lain		4,338,675	4,362,589	4,338,675	4,362,589
Pinjaman Kerajaan Persekutuan	18	13,815,789	15,257,518	13,815,789	15,257,518
Pemiutang Sewabeli		281,140	634,870	-	-
Cukai Tertunda	19	667,292	497,102	-	-
<b>JUMLAH LIABILITI BUKAN SEMASA</b>		<b>192,830,672</b>	<b>153,286,587</b>	<b>191,882,240</b>	<b>152,154,615</b>
Pinjaman Kerajaan Persekutuan Belum Bayar	20	10,963,593	11,967,922	10,963,593	11,967,922
Pemiutang Pelbagai	21	22,554,482	20,641,763	9,816,723	19,095,767
Peruntukan Cukai	22	268,114	1,666,768	9,956	585,826
Pemiutang Perniagaan		2,410,496	1,633,897	-	-
<b>JUMLAH LIABILITI SEMASA</b>		<b>36,196,685</b>	<b>35,910,350</b>	<b>20,790,272</b>	<b>31,649,515</b>
<b>JUMLAH LIABILITI</b>		<b>229,027,358</b>	<b>189,196,937</b>	<b>212,672,512</b>	<b>183,804,130</b>
<b>JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI</b>		<b>704,914,861</b>	<b>618,280,910</b>	<b>399,149,331</b>	<b>341,703,073</b>

Penyata ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan nota-nota yang dikemukakan

**NOR AZRIMAN BIN AB. AZIZ**  
**AKAUNTAN**

**LEMBAGA KEMAJUAN TERENGGANU TENGAH**  
**(Ditubuhkan di Malaysia Mengikut Akta 104, 1973)**

**PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

NOTA	KUMPULAN		LEMBAGA	
	2016 RM	2015 RM	2016 RM	2015 RM
		Dinyatakan Semula		
<b>PENDAPATAN</b>	<b>139,023,180</b>	<b>148,805,571</b>	<b>61,539,376</b>	<b>70,978,247</b>
Pemberian Kerajaan	31,655,800	33,744,700	31,655,800	36,720,110
Pendapatan Kendalian	74,414,620	70,675,269	-	-
Pemberian Kerajaan Persekutuan	22,165,306	27,192,852	22,182,407	22,025,890
Pemberian Kerajaan Negeri	514,358	1,014,358	514,358	4,420,008
Pendapatan Tertunda	24,939	24,939	24,939	24,939
Pendapatan Perumahan	4,481,861	1,645,813	4,481,861	1,156,437
Pendapatan Pelbagai	5,766,296	14,507,640	2,680,011	6,630,863
<b>TOLAK PERBELANJAAN</b>	<b>123,347,357</b>	<b>134,072,971</b>	<b>59,624,550</b>	<b>58,725,121</b>
Emolumen	22,018,641	21,677,830	22,018,641	21,482,405
Perkhidmatan dan Perbekalan	8,519,246	8,718,187	8,510,562	10,984,063
Pemberian & Kenaan Bayaran Tetap	705,544	461,500	705,544	376,264
Susutnilai Aset Tetap	7,874,276	8,240,584	2,525,992	2,108,615
Pelunasan	11,234,316	11,413,400	11,234,316	11,340,667
Hutang Ragu	175,020	-	-	237,152
Belanja Pengurusan, Pentadbiran, Kewangan dan Jualan	54,857,940	60,397,841	-	-
Penyelenggaraan Projek Pembangunan	9,791,326	11,325,324	9,791,326	8,875,022
Belanja Lain	8,108,414	11,579,845	4,775,535	3,230,295
Yuran Audit	59,890	140,075	59,890	57,875
Baikpulih Rumah	2,744	118,385	2,744	32,763
LEBIHAN/(KURANGAN) PENDAPATAN DARI KEGIATAN OPERASI	15,675,824	14,732,600	1,914,826	12,253,126
BAHAGIAN UNTUNG/(RUGI) DALAM SYARIKAT BERSEKUTU	18,545,616	8,060,720	-	-
KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) SEBELUM CUKAI	34,221,440	22,793,320	1,914,826	12,253,126
CUKAI	(7,590,589)	1,883,807	(178,346)	(246,844)
KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) SELEPAS CUKAI	26,630,851	24,677,127	1,736,480	12,006,282
KEPENTINGAN MINORITI	(8,022,176)	(7,864,397)	-	-
KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN	435,293	-	-	-
KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) SELEPAS CUKAI DAN KEPENTINGAN MINORITI	<b>19,043,968</b>	<b>16,812,730</b>	<b>1,736,480</b>	<b>12,006,282</b>

Penyata ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan nota-nota yang dikemukakan

**LEMBAGA KEMAJUAN TERENGGANU TENGAH**  
**(Ditubuhkan di Malaysia Mengikut Akta 104, 1973)**

**PENYATA PERUBAHAN EKUITI**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

	KUMPULAN	LEMBAGA
NOTA	Untung/ (Rugi) Terkumpul RM	Untung/ (Rugi) Terkumpul RM
<b>Baki pada 1 Januari 2015</b>	263,996,206	83,689,574
Lebihan pendapatan selepas cukai dan kepentingan minoriti	16,840,332	6,889,895
Pelarasan Tahun Lepas	(7,949,584)	(7,949,584)
<b>Baki pada 31 Disember 2015</b>	272,886,954	82,629,885
Dividen Dicadangkan/Pelarasan Selepas Penyatuan Pelarasan Tahun Lepas	8,379,499 (2,378,638)	8,694,548 (2,378,638)
<b>Baki pada 31 Disember 2015 Dinyatakan Semula</b>	278,887,815	88,945,795
Lebihan/(Kurangan) pendapatan selepas cukai dan kepentingan minoriti	19,043,968	1,736,480
<b>Baki pada 31 Disember 2016</b>	<b>297,931,782</b>	<b>90,682,275</b>

Penyata ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan nota yang dikembarkan.

**LEMBAGA KEMAJUAN TERENGGANU TENGAH**  
**(Ditubuhkan di Malaysia Mengikut Akta 104, 1973)**

**PENYATA ALIRAN TUNAI**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

	KUMPULAN		LEMBAGA	
	2016 RM	2015 RM	2016 RM	2015 RM
<b>ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI</b>				
Keuntungan/(Kerugian) Sebelum Cukai	37,303,704	23,072,585	4,881,998	7,099,713
Pelarasan:				
Susutnilai	7,952,231	8,291,352	2,525,992	3,327,688
Bahagian Untung/(Rugi) Syarikat Bersekutu	(18,545,616)	(8,965,706)	-	-
Pelunasan	11,234,316	11,413,400	11,234,316	11,413,400
Keuntungan Atas Jualan Aset	-	108,501	-	-
(Keuntungan)/Kerugian Di Atas Penjualan Aset dan Pelaburan	37,213	3,010,861	-	-
Peruntukan Penurunan Nilai Pelaburan Syarikat Bersekutu	19,529	384,314	-	-
Peruntukan Penurunan Nilai Pelaburan Pulih Semula	(33,689)	-	-	-
Peruntukan Hutang Ragu	-	208,131	-	-
Susutnilai Ke Atas Muhibbah	145,650	-	-	-
(Keuntungan)/Kerugian Di Atas Penjualan Sekuriti Mudah Cair	748,347	(305,396)	-	-
Faedah Diterima	(1,512,858)	(937,122)	-	-
Pelarasan Tahun Lepas	5,524,156	(7,949,584)	5,524,156	(7,949,584)
Faedah Dikenakan	160,501	154,412	-	-
Dividen Diterima dari Saham Tersiar Harga	(80,742)	(3,047,995)	(24,726)	(1,845,380)
Gantirugi Ketidakhadiran Berkumpul Jangka Pendek	-	523,198	-	-
<b>Keuntungan Operasi Sebelum Perubahan Modal Kerja</b>	<b>42,952,742</b>	<b>25,960,951</b>	<b>24,141,736</b>	<b>12,045,837</b>
Perubahan Dalam Modal Pusingan:				
(Tambahkan)/Kurangan Dalam Penghutang	5,884,753	(2,768,471)	(2,182,815)	(2,237,219)
(Tambahkan)/Kurangan Dalam Inventori	(52,019)	(178,131)	-	-
Tambahan/(Kurangan) Dalam Pemiutang	(6,795,820)	4,976,862	(9,279,044)	8,068,302
Tambahan/(Kurangan) Dalam Kos Pembangunan	(40,893,901)	7,391,450	(36,220,715)	8,741,957
Tambahan/(Kurangan) Dalam Pinjaman Kerajaan	-	-	-	-
Persekutuan Belum Bayar	(1,441,729)	(4,330,943)	(1,441,729)	(4,330,943)
Tambahan/(Kurangan) dalam Baki Perbadanan Induk	-	-	-	-
(Kurangan) Dalam Baki Syarikat Bersekutu	(25,705,091)	(2,436,044)	-	-
Pembayaran Zakat	(395,773)	(488,471)	-	-
Pembayaran Cukai	(6,958,625)	(4,504,331)	(2,929,634)	(267,899)
Faedah Dibayar	(45,679)	(82,456)	-	-
<b>Aliran Tunai Masuk/(Keluar) Bersih Dari Aktiviti Operasi</b>	<b>(33,451,142)</b>	<b>23,540,416</b>	<b>(27,912,201)</b>	<b>22,020,035</b>
<b>ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN</b>				
Pembelian Aset	(5,790,097)	(11,573,931)	(390,592)	(3,773,423)
Perbelanjaan Pembangunan	(3,052,844)	(10,960,675)	(3,052,844)	(10,960,675)
Perumahan & Ruangan niaga	(10,611,369)	(1,100,099)	(10,611,369)	(1,100,099)
Tambahan Dalam Pelaburan Jangka Pendek	661,932	401,650	-	-
Perolehan Daripada Pelupusan Aset	-	10,000	-	-
Perolehan dari Pelaburan Jangka Pendek	(62,461)	-	-	-
Faedah Diterima	1,512,858	937,122	-	-
Dividen Diterima	4,108,173	6,252,777	24,726	1,845,380
Penambahan Harta Pelaburan	(3,952)	(219,600)	-	-
(Tambahkan)/Kurangan Dalam Simpanan Yang Matang	(8,624,525)	10,881,255	-	-
<b>Aliran Tunai Masuk/(Keluar) Bersih Dari Aktiviti Pelaburan</b>	<b>(21,862,285)</b>	<b>(5,371,501)</b>	<b>(14,030,079)</b>	<b>(13,988,817)</b>

(SAMBUNGAN)

	KUMPULAN		LEMBAGA	
	2016 RM	2015 RM	2016 RM	2015 RM
<b>ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI KEWANGAN</b>				
Pinjaman Kerajaan Persekutuan	(1,004,329)	(1,386,277)	(1,004,329)	(1,386,277)
Bayaran Dividen	-	(1,864,481)	-	-
Pemberian Kerajaan Persekutuan	41,169,354	13,033,587	41,169,354	13,033,587
Akaun Amanah	20,525,486	(2,421,097)	20,525,486	(2,421,097)
Bayaran Balik Pinjaman Berjangka	(8,789)	(16,372)	-	-
Bayaran Sewabeli	(555,413)	(654,552)	-	-
Tambahan Modal Saham	900,000	-	-	-
Tambahan Dalam Lain-Lain Pelaburan	-	640,000	-	-
Aliran Tunai (Keluar)/Masuk Bersih Dari Aktiviti Kewangan	61,026,309	7,330,808	60,690,511	9,226,213
Penambahan/(Pengurangan) Tunai Dalam Tahun	5,712,883	25,499,723	18,748,232	17,257,431
Tunai Dan Persamaan Tunai Pada Awal Tahun	77,759,687	52,259,964	48,654,493	31,397,062
Tunai Dan Persamaan Tunai Pada Akhir Tahun	<b>83,472,570</b>	<b>77,759,687</b>	<b>67,402,725</b>	<b>48,654,493</b>
Tunai Dan Persamaan Tunai Pada Akhir Tahun Diwakili:				
